

قَتِيْن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"MIB inilah sistem nilai kita. Di mana pun kita berada, MIB tetap bersama-sama dengan kita. Janganlah ia disebarkan. Menyebarkan MIB bererti menyebarkan sistem nilai kita". - Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland Utara pada 1 Rabiulawal 1437H / 13 Disember 2015M.



Pelita BRUNEI Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Abi Hurairah Radhiallahuanhu berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesiapa terbuka satu hari pada bulan Ramadan tanpa ada rukhsah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat menggantikan puasa yang ditinggalkan itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup". (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 4.46, SUBUH 4.56, SYURUK 6.14, DUHA 6.36, ZUHUR 12.22, ASAR 3.30, MAGHRIB 6.27, ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 45

14 APRIL 2021 / 1442 رمضان 1

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

RAHMAT ALLAH WAJIB DISYUKURI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, di Istana Nurul Iman.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Alhamdulillah, Ramadan yang ditunggu-tunggu menjelang lagi. Kita umat Islam wajar bersyukur kerana dapat menyambut kedatangannya. Ramadan adalah bulan penuh berkat, yang di dalamnya turun Al-Quran dan terdapat juga satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Ke muka 3

Tadarus Al-Quran bermula

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Agama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna besar khususnya dalam perjalanan hidup seorang Muslim. Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-peluang

mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini. Semuanya adalah tanda kemurahan rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala jua beriktikaf dan menggandakan amal ibadat serta menyemarakkan bulan Ramadan dengan mengikuti pelbagai aktiviti keagamaan yang disediakan sepanjang bulan Ramadan ini. Ke muka 5



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama

PELAKSANAAN 3 program utama kesihatan Muka 8

RAMADAN kembali lagi Muka 27

STATISTIK COVID-19 NEGERA BRUNEI DARUSSALAM Maklumat setakat 13 APRIL 2021, 12.00 tengah hari 219 Jumlah kes jangkitan 117,287 Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020) 3 Jumlah kematian 16,634 Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) 206 Jumlah kes yang sembuh 10 Kes aktif

Pelbagaikan peluang pelaburan domestik

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Isnin, 12 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) terus memainkan peranan penting dalam mengembangkan kewangan Islam sebagai salah satu komponen ekosistem kewangan Brunei.

Ini termasuk menyediakan rangka pengawalseliaan dan penyediaan yang berkembang maju serta efektif berdasarkan kestabilan sistem kewangan selain dapat menampung peluang perniagaan baharu.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong juga selaku Timbalan Pengerusi AMBD semasa berucap pada Majlis Pelancaran Islamic Window and Islamic Fund Standard Chartered Securities bertempat di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei, hari ini, di sini.

Menurut Yang Berhormat, antara usaha yang telah dilakukan oleh AMBD adalah pengenalan Rangka Tadbir Urus Syariah (Syariah Governance Framework) bagi memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan operasi institusi kewangan Islam dan kejayaan penerbitan Rang Undang-Undang Islam AMBD.

Ke muka 4

Sentiasalah berbuat kebaikan kepada anak yatim

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, peramba / saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim dan Daif.

Peramba / saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Bersama Majlis dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja bagi majlis pada pagi ini kerana menjemput peramba / saya hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini dan seterusnya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas di atas penganjuran majlis yang bermanfaat ini.

Agama Islam mengajar kita untuk sentiasa menanamkan dalam diri kita sifat-sifat mahmudah iaitu sifat-sifat terpuji seperti berbuat baik, ikhlas, prihatin, pemedulian, memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dan sebagainya.

Sesungguhnya, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya bertolong-tolongan dan bantu-membantu ke arah perkara yang berkebaikan. Ini selaras dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah.) Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya".

Peramba / saya percaya masyarakat kita adalah masyarakat pengasih iaitu kaya dengan sifat pemedulian dan kasih sayang, penuh simpati dan bertanggungjawab terhadap orang-orang yang daif iaitu yang memerlukan termasuk anak-anak yatim. Ini terbukti banyak pihak berusaha untuk menghulurkan dan mengumpulkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada dari pihak kerajaan, swasta ataupun persendirian.

Justeru, majlis pada pagi ini adalah suatu amalan yang berkebaikan dan seharusnya menjadi amalan yang

berterusan untuk kita laksanakan selaras dengan tuntutan dan galakkan kita ajaran agama Islam yang suci.

Berhubung dengan anak-anak yatim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang memelihara anak yatim dan memberinya makan dan minum nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga kecuali jika dia melakukan dosa yang tidak dapat diampuni". (Riwayat al-Tirmizi)

Daripada Sahl bin Sa'ad Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Aku dan orang yang menjaga anak yatim seperti ini di dalam syurga. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengisyaratkan dengan merapatkan dua jari baginda Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu jari telunjuk dan jari tengah". (Riwayat At-Tirmizi)

Begitu juga adalah sangat dituntut bagi kita untuk sentiasa membuat kebaikan kepada anak-anak yatim sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 220 :

Tafsirnya : "Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai anak-anak yatim. Katakanlah (kepada mereka) : "Memperbaiki keadaan mereka amatlah baik".

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Adh-Dhuha, ayat 9 - 10 :

Tafsirnya : "Oleh itu, terhadap anak yatim, janganlah engkau berlaku sewenang-wenangnya. Dan terhadap orang yang meminta-minta, janganlah engkau mengherdikannya".

Sesungguhnya Allah telah memberi kita ingatan terhadap pengabaian anak-anak yatim ini sebagaimana Allah



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap pada Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim dan Daif pada 26 Syaaban 1442H bersamaan 9 April 2021M di Restoran Soto Pabo, Kampung Pintu Malim.

Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ma'un, ayat 1-3 :

Tafsirnya : "Tahukah engkau orang yang mendustakan agama? Maka ia itulah orang yang berlaku zalim kepada anak yatim. Dan dia tidak menggalakkan memberi makan orang miskin".

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas undangan yang diberikan kepada peramba / saya dan semoga Majlis pada pagi ini sentiasa dalam rahmat dan keberkatan Allah jua.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

■ **AGAMA** Islam mengajar kita untuk sentiasa menanamkan dalam diri kita sifat-sifat mahmudah iaitu sifat-sifat terpuji seperti berbuat baik, ikhlas, prihatin, pemedulian, memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dan sebagainya.

■ **MASYARAKAT** kita adalah masyarakat pengasih iaitu kaya dengan sifat pemedulian dan kasih sayang, penuh simpati dan bertanggungjawab terhadap orang-orang yang daif iaitu yang memerlukan termasuk anak-anak yatim.

■ **KITA** dituntut untuk sentiasa membuat kebaikan kepada anak-anak yatim sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 220.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
14	RABU	1	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	KHAMIS	2	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37
16	JUMAAT	3	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	SABTU	4	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	AHAD	5	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
19	ISNIN	6	4.43	4.53	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
20	SELASA	7	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	33 25 °C	32 26 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	33 26 °C	33 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 25 °C	33 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

14 APRIL 2021

WADAH UNTUK BERDAKWAH

PARA peserta Program Akademi Da'wah 3.0 dari 30 Januari 2021 hingga 2 April 2021 lalu baru-baru ini menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 3.0. Program tersebut secara umumnya diadakan bertujuan untuk melahirkan golongan pendakwah muda untuk menjadi pelapis Da'ie, seterusnya menjadi mentor atau pembimbing kepada bakal Da'ie seterusnya.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan berdakwah dengan cara yang betul dan melahirkan Da'ie yang dapat melaksanakan dakwah mengenai agama Islam juga memberikan pendedahan kepada orang awam mengenai penubuhan belia Da'ie sebagai wadah untuk berdakwah khususnya kepada golongan muda.

Pada Majlis Konvokesyen tersebut, seramai 44 belia menerima sijil dan anugerah khas masing-masing yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga berucap pada majlis berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menekankan bahawa menjadi seorang Da'ie perlulah mempunyai sikap mesra masyarakat, iaitu bersifat ramah dan responsif terhadap masyarakat sekeliling juga membantu mewujudkan dakwah yang menyerlah dan berkesan.

Selain itu, negara juga memerlukan Da'ie yang terlatih, di samping mempunyai ilmu pengetahuan agama yang mantap dan melihat pada latar belakang mereka adalah belia-belia mahasiswa pengajian tinggi dari dalam dan luar negara dan mereka ini sangat berpotensi untuk bergiat dalam dakwah.

Yang Berhormat juga difahamkan bahawa dalam tempoh tiga bulan, mereka dibimbing oleh mentor-mentor yang ditetapkan, terdiri daripada Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta dari badan atau pertubuhan NGO yang berkaitan dengan kemasyarakatan.

Para belia Da'ie ini, juga turut diberikan kuliah mengenai akhlak dan ilmu-ilmu agama, seperti tafsir dan hadis, di samping latihan-latihan cara dakwah berkesan, pengucapan umum, penulisan kreatif dan yang menarik ialah mengadakan atau mengikuti kerja-kerja kemasyarakatan.

Turut ditekankan adalah mengenai hubungan kelayakan berdakwah kepada umum, iaitu dalam erti kata dan maksud mengajar agama kepada umum, mereka hendaklah dilengkapi dengan tauliah daripada pihak berwajib Majlis Ugama Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

"Tauliah kelayakan berdakwah, iaitu mengajarkan agama kepada umum itu semata-mata, untuk tujuan memelihara pelaksanaan dakwah supaya teratur, sesuai dengan fahaman, ajaran dan amalan beragama yang kita ikuti dan kembangkan di negara ini," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga percaya, graduan-graduan Akademi Da'ie sangat faham dan mengerti akan hal ini, kerana mereka menyertai Akademi Da'wah dengan bimbingan mentor-mentor yang layak, tambahan pula, aktiviti mereka dalam masa tiga bulan, di bawah program Akademi Da'wah adalah diselakan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Program Akademi Da'wah 3.0 pada tahun ini bertemakan 'Generasi Pendakwah Muda, Pemangkin Ummah Rabbani' adalah satu program yang diumumkan oleh Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie, di bawah naungan Urusetia Program Keagamaan Belia, PDI, KHEU.

- Ketua Penyuntingan (Hs)

Dari muka 1

Rahmat Allah wajib disyukuri

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Pada tahun sudah, kita berpuasa dalam suasana berbeza kerana penularan wabak Koronavirus, yang sehingga kini pun masih saja berlaku melanda dunia.

Perkara tersebut ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, hari ini, di Istana Nurul Iman.

"Di negara kita, alhamdulillah, keadaan

menunjukkan perkembangan yang baik, di mana wabak yang menakutkan ini, dengan izin Allah, telah dapat dikawal. Ini semua, sudah tentu akan menjadi berita gembira kepada umat Islam di negara ini khususnya, untuk melakukan ibadat puasa dalam suasana lebih selesa," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menjelaskan bahawa ini tidak syak lagi, adalah merupakan rahmat kepada Brunei yang wajib disyukuri. Cara bersyukur itu tidak lain, ialah dengan melakukan ketaatan dan ibadat kepada Allah jua, di mana pada saat ini, ibadat yang sangat dituntut ialah menunaikan puasa sepanjang bulan Ramadan.

Justeru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap kita semua akan dapat menjalani ibadat ini tanpa halangan atau gangguan, di samping juga ibadat-ibadat fardu yang lain dan bahkan kita juga insyaaAllah boleh menggandakan ibadat-ibadat sunat, seperti membaca Al-Quran, bersedekah dan sebagainya, yang semua itu menjanjikan pahala dan keberkatan.

"Inilah cara kita orang-orang Brunei dalam menasih berkat dan rahmat. Sayugia cara ini, jangan ia diubah-ubah," tegas baginda lagi.

KEBIASAAN BAHARU WAJAR DITERUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Bagaimanapun, sebagai mengambil kira situasi yang ada, semua kegiatan harian kita masih saja perlu untuk mematuhi SOP yang telah ditentukan. Jangan diabaikan langkah berjaga-jaga, selama mana keadaan memerlukan.

Kita tidak pasti, bilakah wabak ini akan berakhir dan dunia bebas daripadanya. Tidak siapa pun yang dapat meramalkannya. Oleh itu, kewajipan berjaga-jaga itu, sewajarnya diteruskan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, semua kegiatan harian kita mustahak dengan berhemah, iaitu ketika berkumpul, beriadah, membeli-belah di tempat-tempat awam seperti pasar dan lain-lain.

Pada Titah Perutusan sempena

Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, hari ini, di Istana Nurul Iman, baginda juga mengingatkan bahawa jika peraturan untuk mematuhi SOP masih berjalan, maka hendaklah ia diikuti.

"Kita wajar teruskan kebiasaan baharu, untuk keselamatan dan kesihatan. Kesihatan sangat penting, khasnya bagi tujuan kita menjalani ibadat puasa. Wajar bagi kita berazam untuk berpuasa genap sebulan, InsyaaAllah, niat kita yang baik ini akan diperturut oleh Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda.

Dalam titah, baginda juga turut menegaskan bahawa tidak ada sebab, situasi negara pada masa ini akan mengganggu ibadat kita. Kalau pada tahun lepas, untuk beberapa ketika, kita memang terpaksa menanggung kehadiran ke masjid, surau dan balai ibadat untuk Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang-sembahyang fardu yang lain secara berjemah serta juga Sembahyang Sunat Tarawih.

"Tetapi pada tahun ini alhamdulillah, situasi nampaknya tidak akan menghalang kita untuk hadir ke tempat-tempat ibadat seperti biasa, kecuali hal berlaku perkara-perkara di luar dugaan," titah baginda lagi.

Selepas menyempurnakan puasa, jelas baginda, kita akan memasuki pula gerbang Hari Raya. Semoga Allah akan mengurniakan kepada kita kesihatan untuk dapat

merayakannya dalam keadaan aman dan selamat.

"Sebelum itu, persediaan eloklah disederhanakan sahaja, sesuai dengan keadaan dan faktor ekonomi masa kini. Berjimat dalam berbelanja adalah bererti menolong diri kita sendiri," tegas baginda.

Sebelum mengakhiri titah, baginda dan keluarga, dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan yang mulia.


■ **SEMUA** kegiatan harian kita masih saja perlu untuk mematuhi SOP yang telah ditentukan. Jangan diabaikan langkah berjaga-jaga, selama mana keadaan memerlukan.

■ **KITA** wajar teruskan kebiasaan baharu, untuk keselamatan dan kesihatan. Kesihatan sangat penting, khasnya bagi tujuan kita menjalani ibadat puasa. Wajar bagi kita berazam untuk berpuasa genap sebulan, InsyaaAllah, niat kita yang baik ini akan diperturut oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

■ **TIDAK** ada sebab, situasi negara pada masa ini akan mengganggu ibadat kita. Kalau pada tahun lepas, untuk beberapa ketika, kita memang terpaksa menanggung kehadiran ke masjid, surau dan balai ibadat untuk Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang-sembahyang fardu yang lain secara berjemah serta juga Sembahyang Sunat Tarawih.

COVID-19 : 10 kes masih jalani rawatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 219 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 342 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 78 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 206 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 519 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,634 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 134 sampel ujian virus SARS-CoV-2

dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 117,287 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SUNTIKAN PADA OTOT

TIDAK MEMBATALKAN PUASA

SEBAGAIMANA FATWA YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH YANG BERHORMAT MUFTI KERAJAAN

www.moh.gov.bn | | 148

PELBAGAIKAN PELUANG PELABURAN DOMESTIK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada Majlis Pelancaran Islamic Window and Islamic Fund Standard Chartered Securities.

Dari muka 1

Sehubungan itu, AMBD antara lain merancang untuk melancarkan Sukuk Runcit (Retail Sukuk), di samping mempelbagaikan peluang pelaburan domestik, menurunkan kos penerbitan Sukuk dengan menyediakan *template* undang-undang standard selain mempromosikan dan memanfaatkan teknologi kewangan berasaskan Syariah secara Digital Takaful atau Syariah Based Robo-Advisory. AMBD juga tetap komited untuk merealisasikan nilai-nilai kewangan Islam di negara ini.

Menyentuh mengenai di peringkat global, ujar Yang Berhormat, industri kewangan Islam menyumbang pertumbuhan dua digit pada tahun 2019, iaitu peningkatan kepada 14 peratus kepada USD2.88 trilion, menurut Laporan ICD-Refinitive Islamic Finance Development Report 2020 : Progressing Through Adversity.

Ini terang Yang Berhormat, menunjukkan kekukuhan kewangan Islam dengan latar belakang harga minyak yang rendah merentas seluruh ekonomi dunia.

Laporan itu juga menyatakan bahawa pertumbuhan tersebut adalah hasil daripada peningkatan jumlah penerbitan Sukuk di GCC dan Asia Tenggara serta pelancaran dana perdagangan bursa Islam di sebilangan negara selain turut meramalkan potensi industri untuk terus berkembang menjadi USD3.7 trilion pada tahun 2024.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita telah melihat peningkatan permintaan untuk pelaburan walaupun dunia ketika ini di tengah kemelut ekonomi dan pandemik. Dari tahun 2019 hingga 2020, penyertaan pelabur dalam dana pelaburan sahaja menunjukkan peningkatan rata-rata 61.6 peratus tahun ke tahun, di mana sekitar 20 peratus jumlah pelaburan adalah dalam dana Islam. Dari segi penawaran dana saya menyatakan bahawa hanya sekitar tujuh peratus dana yang ditawarkan mematuhi Syariah. Sehubungan itu, diharapkan institusi kewangan

dapat memenuhi dan mengasah permintaan yang semakin meningkat ini, terutama dalam Dana Islam," tegas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat seterusnya menambah, pengenalan Islamic Window bertujuan untuk mempromosikan pengendalian kewangan Islam dan memudahkan kemajuan ke arah perniagaan kewangan Islam yang lengkap bagi membolehkan penawaran pelbagai jenis produk dan perkhidmatan pelaburan kepada pelabur yang mencari pelaburan mematuhi Syariah di samping mendorong persaingan di antara institusi kewangan di negara ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, perjalanan ke arah memajukan kewangan Islam setentunya mengalami pelbagai cabaran tetapi Yang Berhormat yakin, inisiatif yang lakukan secara kolektif untuk memajukan pembangunan dalam bidang ini akan memberikan kepuasan dan manfaat bagi semua.

Ini, tambah Yang Berhormat, tidak hanya memerlukan keupayaan pengawal selia untuk memberikan jalan melalui polisi dan peraturan bahkan juga koordinasi serta dukungan yang diperlukan dari industri kewangan tempatan bagi menerapkan gagasan inovatif baharu serta pengguna kewangan bagi mendorong permintaan untuk kewangan Islam.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat turut memuji usaha yang dilakukan oleh Standard

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

■ **ANTARA** usaha yang telah dilakukan oleh AMBD adalah pengenalan Rangka Tadbir Urus Syariah (Syariah Governance Framework) bagi memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan operasi institusi kewangan Islam dan kejayaan penerbitan Rang Undang-Undang Islam AMBD.

■ **PENGENALAN** Islamic Window bertujuan untuk mempromosikan pengendalian kewangan Islam dan memudahkan kemajuan ke arah perniagaan kewangan Islam yang lengkap bagi membolehkan penawaran pelbagai jenis produk dan perkhidmatan pelaburan kepada pelabur yang mencari pelaburan mematuhi Syariah di samping mendorong persaingan di antara institusi kewangan di negara ini.

Chartered Securities untuk memperakui peluang di pasaran modal Islam selain memahami kebaikan negara sebagai sebuah Negara Zikir dan Islam.

Yang Berhormat menyatakan kegembiraan untuk melihat penyertaan dan sumbangan dari industri kewangan dalam usaha tersebut dengan tidak melupakan sokongan AMBD dan Lembaga Pengawas Kewangan Syariah (Syariah Financial Supervisory Board - SFSB) untuk menjadikannya *reality*.

Dalam hal ini, Yang Berhormat melahirkan hasratnya untuk melihat lebih banyak kolaborasi dan peningkatan sumbangan institusi kewangan lain dalam pembangunan pasaran modal

Islam dan ekonomi secara keseluruhan.

Melalui kerjasama ini, NBD akan dapat menawarkan lebih banyak cara bagi kewangan Islam untuk maju selain mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi serta meningkatkan pendapatan berasaskan halal kepada ekonomi.

Dalam waktu yang terdekat ini, Yang Berhormat ingin melihat peningkatan institusi kewangan yang ada dalam menyediakan lebih banyak produk pelaburan Islam seperti penerbitan Sukuk korporat di samping berkembang ke perniagaan pelaburan Islam yang lain. Peningkatan tersebut dapat memanfaatkan bidang baharu dan kritikal seperti *fintech* dan kewangan yang mampan.

SCB capai kejayaan penting

JERUDONG, Isnin, 12 April. - Dalam industri pertama (*industry first*) Standard Chartered Securities, anak syarikat Standard Chartered Bank (SCB), mencapai satu lagi kejayaan penting sebagai pemegang lesen perkhidmatan pasaran modal pertama di negara ini yang diberi kelulusan untuk menjalankan perniagaan pelaburan Islam melalui Islamic Window.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan Islamic Window and Islamic Fund Standard Chartered Securities ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong juga selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) yang berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Standard Chartered dan Pengerusi Standard Chartered Securities, Pengiran Aki Ismasuffian bin Pengiran Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa ini menandakan satu pencapaian penting bagi Standard Chartered dan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi Islamic Window pertama yang diluluskan oleh AMBD dan Syariah Financial Supervisory Board

(SFSB).

SCB ujarnya, adalah peneraju pasaran dalam Wealth Management yang telah membuat penawaran di NBD selama lebih dari 20 tahun. Setelah pelaksanaan Securities Market Order, Standard Chartered Securities ditubuhkan sebagai anak syarikat SCB pada tahun 2016 dan telah membuat kemajuan yang signifikan sejak itu hingga sekarang termasuk menawarkan pelaburan yang mematuhi Syariah di pasaran.

Standard Chartered Securities sebagai anak syarikat Standard Chartered Bank juga tambahnya, mempunyai tujuan bersama untuk mendorong perdagangan dan kemakmuran di pasaran tempat beroperasi dengan memberikan penyelesaian berdasarkan pemahaman yang baik mengenai keperluan dan kepercayaan pelanggan kami.

Majlis turut menyaksikan taklimat mengenai pengenalan Islamic Window dan juga pelancaran Syariah Compliant Unit Trusts baru-baru ini yang disampaikan oleh Ketua Wealth Management SCB, Brenda Low yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Securities.

Taklimat kemudiannya diikuti dengan taklimat mengenai pengurusan harta yang mematuhi Syariah disampaikan oleh ahli Standard Chartered Securities, Dr. Aznan Hasan.




YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika merasmikan Islamic Window and Islamic Fund Standard Chartered Securities yang diadakan di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

TADARUS AL-QURAN BERMULA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (depan, tengah) mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah pada Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

menyemarakkan bulan yang penuh berkat ini dengan amal ibadat semata-mata bagi meraih keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran tersebut telah dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, KHEU, Awang Haji Yusof bin Haji Majid.

Tadarus Al-Quran dimulakan dari Surah Al-Baqarah oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian. Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang dengan didahului dengan bacaan Selawat Tafrijiyah sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yussop.



Dari muka 1

Tadarus Al-Quran di masjid, surau dan balai ibadat adalah merupakan salah satu aktiviti takmir di bulan Ramadan yang mendapat sambutan masyarakat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, malam tadi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Tadarus

tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Tadarus Al-Quran di masjid, surau dan balai ibadat adalah salah

satu syiar untuk memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini, dalam suasana masyarakat Islam, tanpa mengira peringkat umur, sama-sama memperdengarkan bacaan Al-Quran sekali gus mendekatkan diri dengan Al-Quran dan



BACAAN ayat suci Al-Quran oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian (kiri). Sementara gambar tengah, antara jemputan yang hadir pada majlis tersebut. Manakala gambar kanan, Tadabur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusof bin Haji Majid.

KBPBPK adakan Majlis Tahlil, Doa Arwah



Berita dan Foto : Ihsan Keluarga Besar Penyurat Bayan Pengarah Kunchang

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Majlis Bertahlil dan Bacaan Doa Arwah Keluarga Besar Penyurat Bayan bin Pengarah Kunchang (KBPBPK).

diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang diketuai oleh Awang Haji Daud bin Imam Haji Johari.

Manakala Doa Selamat pula dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Suni bin Awang Haji Abd. Hamid. Majlis ini merupakan julung kali diadakan dan juga bertujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturahim dan berharap ia akan dilakukan sebagai projek tahunan.

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong yang juga merupakan salah seorang cicit kepada Bendahari Badar bin Penyurat Bayan.

Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman dan

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong yang juga selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Pemangku Penghulu Pekan Tutong; Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Harris dan Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin.

KATIMAHAR, Selasa, 13 April. - Lebih daripada 250 orang sanak saudara Keluarga Besar Penyurat Bayan bin Pengarah Kunchang

(KBPBPK) dari keempat-empat daerah menghadiri Majlis Bertahlil dan Bacaan Doa Arwah KBPBPBPK yang telah berlangsung di sebuah

restoran di Kampung Katimahar, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Menteri

Awal Ramadan jatuh pada Rabu



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mengumumkan bahawa awal bulan Ramadan 1442 Hijrah bersamaan tahun 2021 Masihi jatuh pada Rabu, 1 Ramadan 1442H bersamaan 14 April 2021M.

Dengan keputusan tersebut, maka ibadah puasa akan bermula pada hari tersebut dan Sembahyang Tarawih, Witir dan Tadarus Al-Quran akan bermula pada malam Selasa. Menurut hukum syarak, maka bulan Syaaban tahun ini adalah digenapkan menjadi 30 hari.

Hasil keputusan merukyah anak bulan Ramadan tidak kelihatan di lima buah lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah ditetapkan pada petang tadi telah disabitkan dan disahkan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Pengesahan pemakluman hasil merukyah anak bulan Ramadan

telah pun disampaikan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga selaku Yang Dipertua MUIB bersama dengan kehadiran Ahli-ahli Mesyuarat MUIB yang telah bersidang di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) lewat petang tadi.

Hadir pada persidangan tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga selaku Naib Yang Dipertua MUIB serta Ahli-ahli MUIB iaitu Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili



MAJLIS Keagamaan Bagi Menunggu Hasil Rukyah Awal Bulan Ramadan 1442 Hijrah diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Baharu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua MUIB bersama Ahli-ahli Mesyuarat MUIB bersidang di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama.

bin Haji Mohiddin serta Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Pengumuman keputusan hasil merukyah anak bulan Ramadan bagi tahun 1442H telah pun disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei sebaik sahaja ketetapan hasil rukyah diterima.

Terdahulu, Majlis Keagamaan Bagi Menunggu Hasil Rukyah Awal Bulan Ramadan 1442 Hijrah diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Baharu, KHEU dan dimulakan dengan

persembahan bacaan Al-Quran oleh pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB), Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol dan peserta Program Qari Muda, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah seterusnya dibacakan oleh Pegawai Ugama Kanan, Jame' Asr Hassanil Bolkiah Awang Haji Haris bin Haji Suboh dan kemudiannya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



BACAAN Al-Quran oleh pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol dan peserta Program Qari Muda, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

RUKYAH ANAK BULAN RAMADAN 1442 HIJRAH

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUNGKU LINK, Isnin, 12 April. - Penentuan bagi umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memulakan ibadah puasa Ramadan 1442 Hijrah ditentukan dengan rombongan pencerapan anak bulan Ramadan di beberapa buah tempat di negara ini.

Cerapan anak bulan turut diadakan seperti lazimnya di Blok Menara Data Stream Technology Sdn. Bhd. (DST), di sini.

Antara yang hadir pada majlis pencerapan tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria.

Terdahulu sebelum pencerapan dimulakan beberapa taklimat ringkas telah disampaikan. Taklimat mengenai proses pencerapan anak bulan Ramadan disampaikan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadih dan diikuti dengan taklimat berhubung kedudukan anak bulan Ramadan dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan yang disampaikan oleh Juruukur, Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman.

Berikutan anak bulan Ramadan tidak sabit kelihatan, maka umat Islam di negara ini akan mula berpuasa pada Rabu, 14 April 2021 dan Sembahyang Sunat Tarawih juga akan bermula esok malam.

Majlis pencerapan tersebut diakhiri dengan menaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Hasil pencerapan anak bulan Ramadan tersebut turut



ANTARA yang hadir pada majlis pencerapan yang diadakan di Blok Menara Data Stream Technology Sdn. Bhd. ialah Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan.

disiarkan ke seluruh negara melalui radio dan televisyen.

Pada tahun ini, antara lokasi ditetapkan untuk merukyah anak

bulan Ramadan 1442 Hijrah ialah Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Bukit

Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Ambog, Daerah Tutong dan beberapa tempat yang lain.

MUIB terima wang zakat

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Sejumlah BND3,929,639.31 zakat simpanan diserahkan oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), di sini.

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua

MUIB. MUIB merupakan sebuah pertubuhan yang tertinggi di negara ini yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan dan agihan wang zakat sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984.

Wang zakat berkenaan adalah daripada akaun pelanggan-pelanggan yang memberi kebenaran kepada Perbadanan TAIB untuk memotong sebahagian dari akaun simpanan mereka dari Januari hingga Disember 2020 lalu, menurut garis panduan Syariah.

Wang zakat yang diterima ini akan diagihkan kepada Asnaf Zakat yang berhak di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang

terdiri daripada enam golongan Asnaf Zakat sahaja iaitu Asnaf Fakir, Miskin, Mualaf, Al-Gharimin, Amil dan Ibnu Sabil.

Turut hadir pada majlis penyerahan tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Dipertua MUIB; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Majlis Ugama Islam dan Perbadanan TAIB.



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) menyerahkan wang zakat tersebut kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua MUIB.

Perkembangkan aktiviti penyelidikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Teknologi Brunei

NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berucap pada Kolokium Pascasiswazah 2021 UTB Ke-3.

Perniagaan dan Ekonomi; Penggunaan Sains dan Matematik dan Pengkomputeran serta Informatik.

Hal ini juga diharapkan dapat menimbulkan lebih banyak minat di kalangan peserta dari segi mengongsikan hasil penyelidikan mereka, mewujudkan platform untuk perbincangan yang lebih luas di seluruh bidang pengkhususan dan mengembangkan idea, inovasi dan kolaborasi penyelidikan baharu.

Kolokium dibahagikan kepada empat sesi dan disampaikan oleh 53 pelajar siswazah yang terdiri daripada 23 kertas dari Fakulti Kejuruteraan, tujuh kertas dari Pusat Pengajian Komputer dan Informatik, 16 kertas dari UTB School of Business, enam dari School of Applied Sciences and Mathematics serta satu kertas dari School of Design.

Pada sesi petang, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa mengakhiri kolokium dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang-pemenang.

Pemenang dari peringkat Doktor Falsafah ialah dari Fakulti Kejuruteraan, Nur Wardhyana binti Yahya dengan tajuk 'Experimental Investigation on the Performance Enhancement of Flat Plate Solar Water Heating System with Water Bases MgO and SiO₂ Nanofluids'.

Manakala peringkat Ijazah Sarjana dimenangi oleh dari Fakulti Kejuruteraan, Muhammad Asyraf bin Haji Daruis dengan tajuk 'Implementation of Cyclone Separator in Existing Oil & Gas Production System'.

ini akan memberi gambaran mengenai apa yang diteliti oleh pelajar pascasiswazah lain".

Beliau berharap agar kolokium ini dapat mengumpulkan pelajar pascasiswazah untuk berkongsi hasil penyelidikan mereka dan mewujudkan rangkaian untuk kolaborasi masa depan.

"Ia mungkin membuka pintu untuk penyidik muda untuk mengenal pasti bidang-bidang lain yang menarik untuk kerja-kerja PhD mereka dan ini akan membantu untuk mengetahui bagaimana penyelidikan disiplin dapat disatukan dan memberi manfaat untuk kemahiran penyelidikan dan pengembangan kerjaya mereka lebih lanjut," tambahnya.

Acara diteruskan dengan ucapan bertajuk 'Penyelidikan Translasiional di UTB : Mendukung Wawasan Brunei 2035' oleh Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) di UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa.

Dengan membawakan tema 'Penyelidikan Berkesan Untuk Masyarakat', kolokium ini bertujuan untuk membawa pelajar pascasiswazah untuk membincangkan perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan masing-masing seperti Kejuruteraan, Teknologi dan Reka Bentuk; Perakaunan, Pengurusan



TUNGU LINK, Selasa, 13 April. - Fakulti Kejuruteraan dan Pejabat Penyelidikan Pengajian Siswazah GSR mengadakan Kolokium Pascasiswazah 2021 Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-3 untuk mendorong para pascasiswazah di seluruh fakulti dan sekolah, di samping mendorong sempadan pengetahuan dan rangkaian dengan rakan sebaya dan ilmuwan terkemuka dari bidang pengajian mereka serta melahirkan cendekiawan yang terkemuka dari bidang pengajian masing-masing.

Acara tersebut diadakan di Teater Kuliah 1, Kompleks Perpustakaan, UTB. Acara berkenaan dimulakan dengan ucapan tetamu kehormat dari Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Dalam ucapannya, beliau menekankan aktiviti penyelidikan di universiti telah berkembang sejak peningkatan UTB ke status universiti pada tahun 2018 melalui perkongsian strategik dengan industri dan universiti terkemuka, melalui kemasukan pelajar pascasiswazah di pusat penyelidikan UTB dan peningkatan budaya penyelidikan serta perusahaan.

"Dalam Pelan Strategik 2019-2023, skop penyelidikan UTB diperluaskan untuk merangkul impak, produk yang nyata, budaya Teknpreneurship dan perusahaan," kata Naib Canselor UTB.

Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah juga dengan senang hati berkongsi bahawa di tengah-tengah COVID-19, penerbitan dan petikan penyelidikan universiti pada tahun 2020 telah meningkat dari 166 menjadi 1,369. "Oleh itu, kolokium



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

COVID-19 : Tiada kes baharu

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 10.00 pagi, hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 219 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 341 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 78 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 206 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 392 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,607 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 133 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 117,153 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



PELAKSANAAN 3 PROGRAM UTAMA KESIHATAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman yang berlangsung di Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Isnin, 12 April. - Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. terus komited dalam mengukuhkan usaha yang sedia ada ke arah meningkatkan gaya hidup sihat, sekali gus mengawal dan mencegah penyakit-penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, satu lagi Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai usaha sama dimeterai oleh Kementerian Kesihatan bersama Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. hari ini, yang akan melibatkan pelaksanaan tiga buah program utama oleh Pusat Promosi Kesihatan, bertujuan untuk meningkatkan kesihatan dalam kalangan warga negara ini khususnya di tempat kerja dan persekitaran masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan yang berlangsung di Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini ialah Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menandatangani MoU tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif dan disaksikan oleh Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim.

Sementara itu, Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Peter Tay dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi, Gleneagles JPMC Sdn. Bhd., Awang 'Izzul Hamzi bin Haji Johari.

Pada majlis tersebut, Kementerian Kesihatan turut menerima cek berjumlah BND250,000 bagi usaha sama dengan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. Usaha sama ini merupakan

kesinambungan daripada Kerjasama Awam-Swasta (PPP) yang telah bermula sejak tahun 2019 antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd.

Usaha kolaborasi tersebut akan menyaksikan pelaksanaan tiga buah program oleh Pusat Promosi Kesihatan. Pertama, Program Kesihatan dan Tempat Kerja (Program WAH) mendorong tempat kerja untuk menyediakan persekitaran dan tindakan yang menyokong agar pekerja lebih aktif, memilih makan sihat, bebas rokok dan memiliki kesejahteraan mental yang baik.

Manakala, Program Persekitaran dan Gaya Hidup Ceria (Happy Environment and Lifestyle Programme - HEAL Programme) bertujuan untuk memudahkan dan menyokong intervensi aktiviti fizikal dalam lingkungan masyarakat, memanfaatkan perkongsian dan rangkaian dengan masyarakat setempat, sekolah, perniagaan, pusat kesihatan dan pihak berkepentingan sukan serta rekreasi lainnya.

Selanjutnya yang ketiga pula ialah Program Gaya Hidup Sihat, bertujuan untuk melengkapkan dua

program berkenaan dalam meningkatkan kesedaran mengenai faktor risiko gaya hidup termasuk memakan makanan yang tidak sihat dan merokok, yang juga merupakan faktor risiko utama penyakit kardiovaskular.

Sejak Ogos 2020, dianggarkan lebih daripada 10,000 kakitangan kerajaan dari semua 13 kementerian telah mengambil bahagian dalam Pemeriksaan Kesihatan WAH yang memfokuskan pada Indeks Jisim Tubuh (BMI) dan pemeriksaan tekanan darah.

Sebagai tambahan, Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. juga telah menyediakan ujian Random Blood Sugar (RBS) dan Atrial Fibrillation sebagai sebahagian daripada proses penyaringan.

Hampir 200 sesi latihan WAH dijalankan di 13 kementerian yang diketuai oleh fasilitator Fitness Studio masing-masing. Program HEAL, telah mengumpulkan kira-kira 1,000 peserta keseluruhan dari komuniti, dari semua enam acara HEAL yang dijalankan sejak Ogos 2020.

Terdahulu, Dr. Peter Tay dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa ia adalah suatu

penghormatan bagi pihak Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. untuk dapat bekerjasama sekali lagi dengan Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan dalam menjalankan Program WAH, Program HEAL dan Program berkaitan Gaya Hidup Sihat yang lain.

Kerjasama ini jelasnya mencerminkan nilai-nilai Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Gleneagles JPMC yang mempunyai jangkauan kesihatan yang lebih luas untuk semua.

Sejak PPP ini ditubuhkan, Gleneagles JPMC dengan bangganya telah menyokong Kementerian Kesihatan dalam tiga program tersebut.

"Dedikasi kedua-dua organisasi untuk terus mengutamakan kejayaan program-program ini di tengah-tengah kesan COVID-19 mencerminkan komitmen kuat untuk melihat perkongsian ini melalui, sebagai juara untuk memperkuatkan dan mensinergi usaha yang ada untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan terus menyokong inisiatif untuk mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit di NBD," jelasnya.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang ibu tunggal.

GADONG, Isnin, 12 April. - Berikutan dengan bulan Ramadan yang akan menjelang ini, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku dan Katok, Mukim Gadong 'A' mengadakan Majlis Tahlil, Doa Arwah dan Makan Setahun Sekampung, baru-baru ini, di sini.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi majlis

tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'.

Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Tungku dan Katok, Awang Haji Ismail bin Haji Rajab dan Penasihat MPK Tungku dan Katok, Awang Haji Talib bin Haji

Anak yatim, ibu tunggal terima sumbangan

Apong serta Pengerusi Keagamaan dan Kebajikan MPK Tungku dan Katok, Awang Yusof bin Haji Jais dan Ahli Jawatankuasa MPK dan penduduk-penduduk kampung.

Pada majlis tersebut, seramai 15 anak yatim menerima sumbangan yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Tungku dan Katok, manakala 34 orang ibu tunggal juga menerima sumbangan pada majlis tersebut yang disampaikan oleh Ahli MMN.

Majlis tersebut bertujuan untuk menjalankan aktiviti tahunan MPK Tungku dan Katok serta bersepatat dan bersetuju untuk mengadakannya beberapa hari sebelum penduduk Islam di negara ini menyambut kedatangan bulan Ramadan. Selain itu, mendoakan penduduk-penduduk kampung yang telah meninggal dunia.

Di samping itu juga, anak-anak yatim dan ibu tunggal di kampung berkenaan juga tidak dilupakan bagi sama-sama berkongsi kebahagiaan dan kegembiraan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang nanti.

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Perundingan Kampung Tungku, Katok



PEMANGKU Ketua Kampung Tungku dan Katok, Mukim Gadong 'A', Awang Haji Ismail bin Haji Rajab ketika menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim.

RANGKA STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN



YANG Berhormat Menteri Pembangunan pada acara penanaman 50 batang pokok sebagai salah satu usaha ke arah persekitaran yang menjurus kepada kehijauan.

■ **KEMENTERIAN** Pembangunan akan terus komited kepada peningkatan penglibatan pekerjaan tempatan dalam industri pembinaan sepertimana yang termaktub dalam Policy Framework Kementerian Pembangunan 2018-2023.

■ **KEMENTERIAN** Pembangunan juga sedang merangka strategi untuk pembangunan industri pembinaan di negara ini dengan mengambil kira perkembangan dari segi teknologi selaras dengan Revolusi Industri 4.0 yang akan membawa perubahan terhadap cara bekerja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Dalam usaha untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan tempatan kepada industri pembinaan yang

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

menyediakan peluang luas dan sangat diperlukan bagi pembangunan negara, Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dan Kementerian Pembangunan akan sentiasa memberikan sokongan kepada Jawatankuasa Manpower Industry Steering Committee (MISC) in Construction bagi terus menjalankan program-program berkaitan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Sijil Pencapaian Kepada Pelatih ARMECS Bridging Programme 1.0 yang berlangsung di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).

Jelasnya, Kementerian Pembangunan akan terus komited kepada peningkatan penglibatan pekerjaan tempatan dalam industri pembinaan sepertimana yang termaktub dalam Policy Framework Kementerian Pembangunan 2018-2023.

Tambahnya, Kementerian Pembangunan juga sedang merangka strategi untuk

pembangunan industri pembinaan di negara ini dengan mengambil kira perkembangan dari segi teknologi selaras dengan Revolusi Industri 4.0 yang akan membawa perubahan terhadap cara bekerja.

Menurutnya lagi, isu *the future of work* adalah merupakan satu topik yang kini sedang hangat dibincangkan dan jika tidak ada persediaan maka akan ketinggalan serta mengalami kerugian disebabkan pekerja tempatan tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan.

"Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan telah menyediakan perancangan dalam penggunaan teknologi, dengan pelancaran dokumen MOD Digital Paradigm 2020-2025 yang bertujuan untuk *fast track* penggunaan *smart digital solutions* bagi pemberian perkhidmatan dan penyediaan infrastruktur pintar," tegas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Ini termasuk *supporting governance* yang merangkumi *upskilling* dan menyediakan *empowered and digitally ready workforce* bagi pekerja tempatan.

Jelasnya lagi, Local Business Development (LBD) Framework



YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan.

yang sedang diusahakan akan meningkatkan kapasiti pembangunan industri pembinaan di negara ini termasuk keperluan bagi menyediakan pekerja-pekerja tempatan yang mahir di bidang teknikal atau *trade and skill*.

Menurut Yang Berhormat, Kejayaan ARMECS Bridging Program akan memberikan suntikan semangat kepada para pelatih, syarikat-syarikat dan pegawai-pegawai dalam sama-sama berusaha bagi melahirkan pekerja-pekerja yang terlatih dan berpotensi bagi pembangunan kapasiti manusia dalam memastikan visi dan misi Kementerian Pembangunan dan Wawasan Brunei 2035 tercapai.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil Pencapaian Kepada Pelatih ARMECS Bridging Programme 1.0.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Seramai 31 pelatih menerima sijil mereka yang dikeluarkan oleh Politeknik Brunei (PB) melalui kerjasama Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Manpower Industry Steering Committee (MISC) Construction dan PB melalui Program ARMECS Bridging 1.0 telah menamatkan latihan selama enam bulan di firma-firma

31 pelatih ARMECS diraikan

arkitek dan jurutera profesional hari ini dan diraikan dalam satu majlis penyampaian sijil yang berlangsung di Dewan Indera Pahlawan, bangunan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada pelatih-pelatih ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Pelaksanaan Bridging Programme ini merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh MISC in Construction, sebuah komiti di bawah Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran anak-anak

tempatan dan memastikan pencari kerja tempatan memperoleh kemahiran dan kecekapan yang relevan dalam industri pembinaan.

MISC in Construction merancang untuk memperkenalkan banyak lagi program-program sedemikian bagi meningkatkan minat pencari-pencari pekerjaan untuk menceburi bidang pembinaan pada tahap profesional hingga ke pekerja-pekerja yang berkemahiran.

Dengan adanya program seperti ini ia akan dapat mendukung usaha Kementerian Pembangunan melalui MISC In Construction dalam meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan terutama sekali dengan adanya Local Business Development Directive - *to train and employ* yang

sedang giat digubal dan akan diperkenalkan tidak lama lagi.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah urusan dan wakil dari syarikat-syarikat pembinaan.

Sebelumnya, majlis turut menyaksikan acara penanaman 50 batang pokok sebagai salah satu usaha ke ara persekitaran yang menjurus kepada kehijauan.



IRSYAD HUKUM



Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selamat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KIRAAN *fidyah* puasa sama ada berganda ataupun tidak masih lagi menjadi kekeliruan bagi sebahagian orang. Pada dasarnya *fidyah* puasa akan berganda jika puasa yang ditinggalkannya itu tidak diqadha setelah datangnya Ramadhan yang baru tahun demi tahun. Namun ada kalanya *fidyah* tersebut tidak berganda walaupun masih belum diqadha setelah datang Ramadhan tahun berikutnya disebabkan keuzuran yang ditentukan oleh syara'.

Maka untuk lebih jelas, diuraikan dengan lebih lanjut lagi keadaan-keadaan *fidyah* puasa yang berganda dan tidak berganda itu.

Maksud dan Kadar Fidyah Puasa

Fidyah bermaksud denda atau tebusan yang dikenakan kepada orang Islam yang melakukan beberapa kesalahan tertentu dalam ibadah. Ia juga merujuk kepada sedekah kepada fakir miskin berupa makanan yang mengenyangkan.

Fidyah puasa pula ialah memberi makan fakir miskin sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa jua bijiran yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri itu. Bagi Negara Brunei Darussalam, makanan asasi majoriti penduduknya adalah beras wangi, beras siam dan terdapat juga penduduk yang memakan beras "kabun" (beras tempatan) sebagai makanan asasi.

Dalam al-Qur'an Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman :

Tafsirnya : "Iaitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah dia berbuka, jika dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar *fidyah* iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran *fidyah*) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar *fidyah*), jika kamu mengetahui".

(Surah Al-Baqarah: 184)
Menurut Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* bahawa kewajipan membayar *fidyah* sebagaimana dijelaskan ayat di atas adalah ke atas orang yang membebaskan dirinya untuk menunaikan ibadah puasa, walhal dia tidak terdaya menunaikannya, lalu dia pun berbuka dan diwajibkan ke atasnya membayar *fidyah*. Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berkata sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *Rahimahullahu* :

Maksudnya : "Orang yang sangat tua di kalangan lelaki dan perempuan, kedua-duanya tidak berdaya untuk

Kiraan *fidyah* puasa berganda

berpuasa, maka hendaklah kedua-duanya memberi makan orang miskin setiap hari sebagai ganti".

(Riwayat al-Bukhari)

Oleh itu, kadar *fidyah* puasa bagi 1 hari puasa yang ditinggalkan ialah sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa juga bijiran yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri. Kadar satu *mudd* itu adalah bersamaan dengan 15 tahlil atau kira-kira 567 gram.

Menurut mazhab asy-Syafi'e, *fidyah* tidak sah dikeluarkan dengan nilai harga atau wang. Namun demikian, sebagai irsyad adalah dibolehkan bertaqlid dengan mazhab Hanafi bagi sesiapa yang hendak membayar *fidyah*nya dengan nilai harga atau wang. Harga atau wang untuk gantian satu *mudd* bersamaan dengan 567 gram bagi satu hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan ialah \$0.71 sen bagi beras wangi dan \$0.48 sen bagi beras siam.

Sebagai contoh, kadar *fidyah* puasa bagi 3 hari puasa yang ditinggalkan ialah sebanyak 1,701 gram iaitu dengan mendarab bilangan hari puasa yang ditinggalkan dengan kadar satu *mudd* bersamaan 567 gram. Oleh itu, jumlah bayaran *fidyah* 3 hari puasa iaitu 3 *mudd* (1,701 gram) ialah \$2.13 sen bagi beras wangi dan \$1.44 sen bagi beras siam.

Untuk lebih jelas berikut adalah kiraan gandaan yang disebutkan :

Jumlah puasa yang ditinggalkan	Kadar <i>fidyah</i>	Harga Beras Wangi	Harga Beras Siam
1 hari	567 gram	\$0.71 sen	\$0.48 sen
3 hari	567 gram x 3 hari = 1,701 gram	\$0.71 sen x 3 = \$2.13 sen	\$0.48 sen x 3 = \$1.44 sen

Kiraan Fidyah Puasa Berganda

Fidyah dalam ibadah puasa diwajibkan kepada golongan-golongan berikut :

I. Orang yang melengah-lengahkan qadha puasa sehingga datang bulan Ramadhan yang baru.

II. Orang yang tidak terdaya mengerjakan puasa kerana sangat tua atau orang sakit yang tidak ada harapan sembuh.

III. Perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak yang berbuka kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya jika dia berpuasa.

Kewajipan membayar *fidyah* puasa ini boleh menjadi berganda kerana sebab-sebab tertentu, namun adakalanya juga tidak berganda. Untuk lebih jelas disebutkan satu persatu seperti berikut:

I. Orang Yang Melengahkan Qadha Puasa.

Fidyah puasa bagi orang yang belum mengqadha puasanya akan berganda setiap tahun apabila datang puasa Ramadhan pada tahun-tahun berikutnya selagi puasa yang ditinggalkannya itu belum diqadha.

Jika seseorang itu meninggalkan puasa sebanyak 1 hari pada bulan Ramadhan tahun 1439H, dan dia masih tidak mengqadha puasa yang ditinggalkannya itu sehingga datang bulan Ramadhan tahun 1441H sedangkan dia berdaya mengqadhanya, maka dia wajib membayar *fidyah* puasa tersebut sebanyak 2 kali ganda kerana puasa tersebut tidak diqadha selama 2 tahun. Contohnya :

Ramadhan Tahun	Jumlah puasa yang ditinggalkan	Fidyah puasa berganda	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa
1439H	1 hari	-	-
1440H	(Belum diqadha)	1 hari x 1 tahun = 1 <i>mudd</i>	567 gram x 1 = 567 gram (Belum dibayar)
1441H	(Belum diqadha)	1 hari x 2 tahun = 2 <i>mudd</i> (Berganda kerana terkumpul 2 tahun)	567 gram x 2 = 1,134 gram

Dalam contoh di atas, iaitu bagi orang yang meninggalkan puasa sebanyak 1 hari pada bulan Ramadhan tahun 1439H dan masih belum mengqadha puasa yang ditinggalkannya itu sehingga datang bulan Ramadhan tahun 1441H, jika dia telah membayar *fidyah* puasa bagi gandaan tahun 1440H sedangkan dia masih belum mengqadha puasa yang ditinggalkannya pada tahun 1439H, maka dia hanya wajib membayar *fidyah* puasa bagi tahun 1441H sahaja. Contohnya :

Ramadhan Tahun	Jumlah puasa yang ditinggalkan	Fidyah puasa berganda	Jumlah bayaran Fidyah puasa
1439H	1 hari	-	-
1440H	(Belum diqadha)	1 hari x 1 tahun = 1 <i>mudd</i>	567 gram x 1 = 567 gram (Sudah dibayar)
1441H	(Belum diqadha)	1 hari x 1 tahun = 1 <i>mudd</i> (Tidak berganda kerana <i>fidyah</i> tahun 1440H telah dibayar)	567 gram x 1 = 567 gram

Begitulah juga halnya jika dia ada meninggalkan 1 hari puasa pada tahun 1439H, 1 hari puasa pada tahun 1440H dan 1 hari puasa pada tahun 1441H, dan dia belum juga mengqadha puasanya yang ditinggalkan setiap tahun itu sehingga datang Ramadhan tahun 1442H, maka setiap hari tersebut masing-masing mempunyai gandaan mengikut berapa tahun ia tidak diqadha. Contohnya :

Ramadhan Tahun	Jumlah Puasa yang ditinggalkan	Fidyah puasa berganda sehingga tahun 1442H	Jumlah bayaran Fidyah puasa	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa terkumpul
1439H	1 hari	1 hari x 3 tahun = 3 <i>mudd</i> (Gandaan <i>fidyah</i> puasa sehari bagi tahun 1439H)	567 gram x 3 = 1,701 gram	1,701 gram + 1,134 gram + 567 gram = 3,402 gram (Jumlah <i>fidyah</i> puasa yang dibayar pada bulan Ramadhan tahun 1442H)
1440H	1 hari	1 hari x 2 tahun = 2 <i>mudd</i> (Gandaan <i>fidyah</i> puasa sehari bagi tahun 1440H)	567 gram x 2 = 1,134 gram	
1441H	1 hari	1 hari x 1 tahun = 1 <i>mudd</i> (Gandaan <i>fidyah</i> puasa sehari bagi tahun 1441H)	567 gram x 1 = 567 gram	

Begitulah kiraan gandaan *fidyah* puasa yang ditinggalkan 1 hari pada tahun 1439H, 1 hari pada tahun 1440H dan 1 hari pada tahun 1441H apabila dibayar pada Ramadhan tahun 1442H.

II. Orang yang tidak terdaya mengerjakan puasa kerana sangat tua atau orang sakit yang tiada harapan sembuh.

Orang sangat tua yang susah untuk berpuasa atau orang sakit yang tiada harapan sembuh tidak diwajibkan untuk melaksanakan puasa, namun mereka itu diwajibkan membayar *fidyah* bagi menggantikan hari-hari puasa yang ditinggalkannya sebagaimana disebutkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* :

Ertinya : "Menurut pendapat al-Azhhar wajib membayar (*fidyah*) satu *mudd* ke atas orang yang berbuka disebabkan lanjut usia (sangat tua)".

Dalam pada itu Imam Ibnu Hajar *Rahimahullahu Ta'ala* menjelaskan bahawa selain orang yang sangat tua termasuklah juga dalam keadaan ini orang yang sakit yang tiada harapan sembuh yang susah baginya berpuasa.

Malah jika dia merasa mampu dan berdaya untuk berpuasa juga selepas dia berbuka, tidak diwajibkan baginya mengqadha puasa yang ditinggalkannya.

Imam asy-Syarwani *Rahimahullahu Ta'ala* berkata :

Ertinya : "Dan sekiranya dia merasa mampu dan berdaya untuk berpuasa selepas (dia berbuka), tidak dibebankan (diwajibkan) baginya mengqadha puasa yang ditinggalkannya (walaupun kewajipan *fidyah* masih kekal di bawah tanggungannya)".

Dalam perkara *fidyah* puasanya, apabila orang yang sangat tua atau orang sakit yang tidak ada harapan sembuh itu melambat-lambatkan membayar *fidyah*nya sehingga datang bulan Ramadhan pada tahun berikutnya, dalam keadaan ini tidaklah dikenakan apa-apa ke atasnya iaitu tidak berganda *fidyah*nya. Perkara ini juga disebutkan oleh Imam asy-Syarwani *Rahimahullahu Ta'ala* :

Ertinya : "Dan jikalau mengakhirkkan (pembayaran *fidyah* puasa) iaitu umpamanya orang tua (yang dikenakan membayar *fidyah* melambat-lambatkan melaksanakan pembayaran *fidyah*nya) daripada tahun pertama maka tidaklah dibebankan apa-apa (ke atasnya) kerana melambat-lambatkan (membayar *fidyah* puasa itu)".

Ini bermakna dia (orang yang sangat tua yang susah untuk berpuasa dan orang sakit yang tiada harapan sembuh) hanya diwajibkan membayar *fidyah* puasa yang ditinggalkannya tanpa mengqadha puasa tersebut. Oleh itu, jika dia merasa susah untuk melaksanakan puasa Ramadhan sebulan pada tahun 1439H dan berterusan keadaannya selama 3 tahun sehingga Ramadhan tahun 1441H, maka *fidyah* puasa yang ditinggalkan selama 3 tahun itu tidaklah berganda disebabkan keuzurannya itu. Maka bayaran *fidyah*nya selama 3 tahun itu adalah seperti berikut :

Ramadhan Tahun	Jumlah Puasa yang ditinggalkan	Fidyah puasa berganda sehingga tahun 1441H	Jumlah bayaran Fidyah puasa	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa terkumpul
1439H	30 hari		567 gram x 30 = 17,010 gram	17,010 gram +
1440H	30 hari	Tidak berganda	567 gram x 30 = 17,010 gram	17,010 gram +
1441H	30 hari		567 gram x 30 = 17,010 gram	51,030 gram

Walaupun orang yang sangat tua atau orang sakit yang tidak ada harapan sembuh hanya diwajibkan membayar *fidyah* sahaja, tetapi mereka tidak harus menegerakan membayar *fidyah* tersebut sebelum masuk bulan Ramadhan, seperti menegerakan membayar untuk dua hari atau lebih bagi puasa yang akan ditinggalkannya atau membayar tiga puluh *mudd* untuk tiga puluh hari puasa yang akan ditinggalkannya sebelum masuk bulan Ramadhan berkenaan.

Namun harus membayar *fidyah* tersebut selepas fajar setiap hari di bulan Ramadhan dan harus membayarnya juga sebelum fajar setiap hari berpuasa iaitu pada malamnya.

Malah jika mereka menghadapi kesusahan sehingga tidak sanggup membayar *fidyah* berkenaan maka gugurlah kewajipan membayar *fidyah* tersebut berdasarkan pendapat al-ashah.

II. Perempuan Hamil Atau Perempuan Yang Menyusukan Anak

Terdapat dua keadaan bagi perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan dalam perkara mengqadha puasa ataupun membayar *fidyah*. Dua keadaan tersebut ialah :

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولان قوسة دعوه اسلاميه

TEGURLAH DENGAN HIKMAH

perbalahan, sedangkan Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Thaha, ayat 44 yang mafhumnya :

"Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan)".

Firman ini memberi maksud bahawa nasihat atau teguran itu hendaklah disampaikan dengan bahasa dan suara yang lembut, tanpa disertai dengan perasaan marah mahupun emosi bagi menjaga hati orang yang ditegur agar mereka tidak berasa terhina dan rendah diri.

Nasihat dan teguran itu juga sebaiknya disampaikan secara tertutup

supaya tidak membuka aib dan tidak menimbulkan perasan malu kepada orang yang ditegur tersebut. Itulah pentingnya menyampaikan nasihat dan teguran dengan menggunakan akal fikiran dan hati, bukan dengan menggunakan emosi. Selepas menegur pula, hendaklah meminta maaf kepada mereka yang ditegur agar tidak timbul sebarang dendam dan perbalahan. Dengan meminta maaf juga mampu menunjukkan keikhlasan kita untuk menegurnya ke arah kebaikan dan membantu untuk membuka hati yang ditegur untuk menerima teguran tersebut.

Walau bagaimanapun, kita diingatkan

untuk sentiasa bersangka baik kepada sesama manusia tak kira bangsa atau agama. Jika melihat kesalahan seseorang, anggaplah orang tersebut tidak menyedari atau tidak tahu bahawa perbuatannya itu salah. Atau kita mengandaikan jika kita adalah orang yang membuat kesalahan tersebut yang sudah semestinya kita ingin ditegur secara lembut dan berhemah.

Amalan nasihat-menasihati dan tegur-menegur adalah amalan yang mulia andai dilakukan dengan keikhlasan hati semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sampaikanlah nasihat dan teguran itu dengan berhemah dan penuh kelembutan agar kita hidup dalam suasana damai, harmoni serta bersatu padu tanpa sebarang perbalahan seperti yang telah difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nahl, ayat 125 yang mafhumnya :

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

NASIHAT atau teguran itu hendaklah disampaikan dengan bahasa dan suara yang lembut, tanpa disertai dengan perasaan marah mahupun emosi bagi menjaga hati orang yang ditegur agar mereka tidak berasa terhina dan rendah diri.

Dari muka 10

a. Wajib mengqadha puasa sahaja.

Jika perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada dirinya, maka dia hanya diwajibkan mengqadha sejumlah puasa yang ditinggalkannya itu sahaja pada hari-hari lain dan tidak dikenakan *fidyah*.

Begitu juga jika dia berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat ke atas dirinya dan juga anaknya, maka dia diwajibkan mengqadha puasa sahaja dan tidak dikenakan *fidyah*.

b. Wajib mengqadha puasa dan membayar *fidyah*.

Jika perempuan hamil berbuka kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya sahaja umpamanya jika dia berpuasa kandungannya akan gugur atau jika berpuasa perempuan yang menyusukan itu takut anaknya pasti kehausan kerana air susu yang tidak mencukupi atau susu akan kering, maka dia diwajibkan mengqadha puasa itu sebagai hak bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atas dirinya dan membayar *fidyah* disebabkan berbuka untuk orang lain (anaknya).

Diriwayatkan dalam sebuah hadits bahawa 'Abdullah bin 'Umar Radhiallahu 'anhuma telah ditanya mengenai kedudukan puasa seorang perempuan hamil yang takut mendatangkan mudarat kepada anaknya. Lalu beliau berkata :

Maksudnya : "Berkubalah dan berilah makan orang miskin satu cupak gandum sebagai ganti setiap hari (yang dia berbuka)".

(Hadits riwayat al-Baihaqi)

Kedua-dua keadaan ini (perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak) diwajibkan mengqadha puasa jika meninggalkannya. Maka jika puasa yang ditinggalkannya itu tidak diqadha sehingga datang Ramadhan tahun berikutnya maka dia dikenakan membayar *fidyah*. *Fidyah* itu juga akan berganda tahun demi tahun selagi puasa tersebut belum diqadhanya. Perkiraan gandaan *fidyah* puasa kerana melengahkan qadha puasa sehingga datang Ramadhan tahun berikutnya telah diterangkan sebelum ini.

Selain itu, bagi perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak yang berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya, dia perlu menambah lagi kadar bayaran *fidyah* 1 *mudd* bagi sehari puasa ditinggalkannya itu disebabkan berbuka untuk orang lain (anaknya) di samping *fidyah* puasa yang belum diqadhanya.

Maka untuk lebih jelas, bagi perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak yang berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya, dibawakan contoh keadaan jika dia tidak mengqadha puasa sehari sehingga berlalu 3 tahun, iaitu dari tahun 1439H hingga 1442H, seperti berikut :

Ramadhan Tahun	Jumlah puasa yang ditinggalkan	Jumlah <i>Fidyah</i> kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya	<i>Fidyah</i> puasa berganda	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa terkumpul
1439H	1 hari	1 <i>mudd</i>	-	1 <i>mudd</i> = 567 gram	-
1440H	-	-	1 hari x 3 tahun = 3 <i>mudd</i>	567 gram x 3 = 1,701 gram	4 <i>mudd</i> = 2,268 gram
1441H	-	-	-	-	-
1442H	-	Belum dibayar dan tidak berganda	-	-	-

Adapun dalam keadaan tertentu adakalanya seorang perempuan itu menghadapi keuzuran yang berterusan kerana setelah dia hamil dan dalam tempoh menyusukan anaknyadia hamil lagi sehingga tidak sempat untuk mengqadha puasanya itu. Maka dalam perkara ini, tidaklah diwajibkan ke atasnya gandaan *fidyah* kerana perbuatannya melambatkan qadha puasa itu sebagaimana diwajibkan gandaan *fidyah* ke atas orang yang berkesempatan atau berupaya untuk mengqadha puasa tetapi tidak melakukannya.

Dalam perkara ini, Imam Khatib asy-Syerbini *Rahimahullahu Ta'ala* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj menyebutkan :

Ertinya : "Maka jika seseorang itu tidak dapat mengqadha (puasa Ramadhan) kerana berterusan keuzurannya seperti berterusan dalam pelayaran, berterusan sakit, berterusan hamil dan menyusukan anaksehingga datang Ramadhan (pada tahun berikutnya) maka tidaklah dikenakan *fidyah* ke atasnya dengan sebab

penangguhan ini".

Sebagai contoh, bagi perempuan yang menghadapi keuzuran kerana berterusan hamilsetiap tahun selama 3 tahun, apabila dia meninggalkan 1 hari puasa pada tahun 1439H, 1 hari puasa pada tahun 1440H dan 1 hari puasa pada tahun 1441H disebabkan keuzuran tersebut, maka kiraan *fidyahnya* adalah seperti berikut :

Ramadhan Tahun	Jumlah puasa yang ditinggalkan	<i>Fidyah</i> kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya	<i>Fidyah</i> puasa berganda	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa	Jumlah bayaran <i>fidyah</i> puasa terkumpul
1439H	1 hari	1 <i>mudd</i>	-	1 <i>mudd</i> = 567 gram	-
1440H	1 hari	1 <i>mudd</i>	Tidak berganda kerana keuzuran	1 <i>mudd</i> = 567 gram	3 <i>mudd</i> = 1,701 gram
1441H	1 hari	1 <i>mudd</i>	-	1 <i>mudd</i> = 567 gram	-
1442H	-	-	-	-	-

Akan tetapi walaupun dalam keuzuran, dia tetap wajib membayar *fidyah* sekiranya dia berbuka kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya. Menurut mazhab asy-Syafi'e, kewajipan qadha puasa yang ditinggalkannya itu masih tetap tertanggung ke atasnya sehingga ia dilaksanakan.

Meninggal Dunia Sebelum Sempat Mengqadha Puasa Atau Membayar *Fidyah*

Jika lambat mengqadha puasa disebabkan keuzuran berterusan yang dibenarkan syara' sehingga dia meninggal dunia seperti berterusan sakit, dalam pelayaran, pitam, haidh, nifas, hamil, menyusukan anak dan seumpamanya, maka dia tidak berdosa bahkan tidak diwajibkan warisnya mengqadha puasa mahupun membayar *fidyah* dari harta peninggalannya.

Walau bagaimanapun, jika seseorang itu lambat mengqadha puasa yang ditinggalkannya (sama ada kerana keuzuran ataupun tidak), sedang dia berupaya untuk melakukannya dan dia ada meninggalkan harta, maka adalah wajib ke atas wali atau waris untuk melakukan sama ada dengan mengqadha puasa atau membayar *fidyah*. Namun membayar *fidyah* puasa adalah lebih afdhal.

Jika orang yang mati itu tidak ada meninggalkan harta, maka tidaklah wajib ke atas wali atau waris berpuasa atau

membayar *fidyah*. Walau bagaimanapun jika dilakukan juga hukumnya harus bahkan sunat bagi wali atau waris berpuasa dan membayar *fidyah* bagi pihak si mati.

Akan tetapi, jika seseorang yang diwajibkan berpuasa (tanpa keuzuran pula) dia tidak berpuasa dan tidak mengqadhanya sehingga datang Ramadhan tahun berikutnya kemudian dia meninggal dunia, maka wajib atasnya dua *mudd* daripada harta peninggalannya iaitu satu *mudd* bagi puasa yang ditinggalkannya dan satu *mudd* lagi bagi puasa yang tidak diqadhanya sehingga datang Ramadhan berikutnya.

Contohnya, seseorang tidak berpuasa sehari pada tahun 1439H dan puasa tersebut tidak diqadhanya tanpa sebarang keuzuran sehingga datang Ramadhan tahun 1440H, kemudian dia meninggal dunia. Maka wajib atasnya membayar *fidyah* 2 *mudd*, iaitu sebanyak 1,134 gram dari harta peninggalannya.

Ramadhan Tahun	Jumlah puasa yang ditinggalkan	<i>Fidyah</i> puasa kerana meninggalkan puasa	<i>Fidyah</i> puasa berganda	Jumlah bayaran <i>Fidyah</i> puasa
1439H	1 hari	1 <i>mudd</i> (Ganti sehari puasa yang ditinggalkannya)	-	-
1440H	(Belum diqadha)	-	1 hari x 1 tahun = 1 <i>mudd</i> (<i>Fidyah</i> puasa sehari yang belum diqadha kerana melawatkan qadha tanpa keuzuran sehingga meninggal dunia)	2 <i>mudd</i> = 1,134 gram

Begitulah huraian mengenai kiraan gandaan *fidyah* bagi puasa yang belum diqadha sehingga datang Ramadhan yang baru tahun demi tahun. Apa yang jelas ialah ada kalanya *fidyah* puasa itu berganda dan ada kalanya juga *fidyah* puasa itu tidak berganda disebabkan keuzuran. Antara contoh keadaan *fidyah* puasa tidak berganda disebabkan keuzuran itu ialah orang sangat tua yang susah untuk berpuasa, orang sakit yang tiada harapan sembuh dan perempuan yang hamil dan menyusukan anak secara berterusan sebagaimana disebutkan sebelum ini.

BUKU RUJUKAN PENGURUSAN KEWANGAN DILANCARKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa melancarkan Buku Kerangka 'Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Framework for School Children and Adults (BDFLCF)'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan dan kemahiran tinggi, meningkatkan kualiti kehidupan rakyat serta pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum mengadakan Majlis Pelancaran Buku Kerangka 'Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Framework for School Children and Adults (BDFLCF)', bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan.

Penghasilan Buku Kerangka tersebut adalah bertujuan sebagai bahan rujukan kepada semua

peringkat masyarakat dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang teratur dan bersistematis.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan.

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin selaku Ketua Peneraju Pillar 1, Majlis Kebangsaan Celik Kewangan dalam ucapan alu-aluannya menggariskan, Buku Kerangka tersebut diterbitkan sebagai sumber rujukan dalam menambah baik kurikulum sekolah

dengan memasukkan konsep celik kewangan yang bersesuaian dengan peringkat umur murid.

Di samping itu jelasnya, para penganjur inisiatif celik kewangan juga boleh merujuk Buku Kerangka ini bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan adalah selaras dan bersesuaian dengan kumpulan sasaran.

Dalam pada itu tambahnya, pelaksanaan Buku Kerangka celik kewangan ini juga akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan peringkat rendah, iaitu Tahun 1 hingga 6 pada tahun ini, dan seterusnya buku kerangka dan Buku Panduan Guru bagi peringkat menengah dijangka akan diterbitkan pada tahun 2022.

Sementara itu terangnya, Buku Kerangka bagi peringkat dewasa juga akan disediakan bagi rujukan para pelajar di peringkat pengajian tinggi dan masyarakat secara umum.

Menurutnya lagi, Jawatankuasa Kerja juga mengadakan sesi perbarigian dan taklimat bagi memperkenalkan buku kerangka ini kepada ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, termasuklah guru-guru besar dan tenaga pengajar di seluruh negara.

Selain itu jelasnya lagi, perkembangan profesional juga turut diberikan kepada guru-guru mengenai tatacara penggunaan buku kerangka ini bersama kurikulum beberapa mata pelajaran yang dikenal pasti seperti Melayu Islam Beraja, Bahasa Melayu, Matematik dan Social Studies.

"Dengan adanya kerangka pendidikan kewangan yang diintegrasikan dalam kurikulum

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

■ **PENGHASILAN** Buku Kerangka tersebut adalah bertujuan sebagai bahan rujukan kepada semua peringkat masyarakat dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang teratur dan bersistematis.

■ **PELAKSANAAN** Buku Kerangka celik kewangan ini juga akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan peringkat rendah, iaitu Tahun 1 hingga 6 pada tahun ini, dan seterusnya buku kerangka dan Buku Panduan Guru bagi peringkat menengah dijangka akan diterbitkan pada tahun 2022.

sekolah ini, insyaaAllah ia diharap akan dapat mengenalkan dan mendidik setiap individu daripada peringkat awal lagi mengenai nilai kewangan serta pengenalan mengenai pengurusan kewangan demi memastikan kesejahteraan kewangan diri masing-masing," jelasnya.

Selain itu, ujarnya, ia juga diharap akan meningkatkan keyakinan pengguna dan menjadikan mereka lebih bijak dalam hal pengurusan dan membuat keputusan kewangan.

Justeru dalam kesempatan ini, beliau berharap agar guru-guru akan menggunakan buku kerangka ini sebagai bahan rujukan dan panduan bagi menyalurkan ilmu pendidikan kewangan kepada para pelajar dengan sebaiknya.

Beliau juga menyeru agar guru-guru dapat menggunakan kreativiti masing-masing, bersikap inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran, selain sentiasa menggunakan sumber-sumber bahan yang interaktif dan relevan agar para pelajar akan memahami

demi menarik perhatian mereka mengenai kepentingan pendidikan kewangan.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan pelancaran buku kerangka tersebut oleh tetamu kehormat majlis, yang kemudiannya menyampaikan buku kerangka berkenaan kepada para Ahli Jawatankuasa (AJK) Pandu serta sijil penghargaan kepada para AJK Kerja Pembinaan buku kerangka berkenaan.

Tetamu kehormat majlis juga turut berpeluang menyaksikan Mini Pameran mengenai proses penghasilan buku kerangka tersebut.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan; Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pendidikan; dan Ahli-ahli Majlis Kebangsaan Celik Kewangan.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang pesara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Seramai 124 orang pegawai dan kakitangan bersara serta 46 orang pegawai dan kakitangan yang berpindah dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya diraikan pada Majlis Penyerahan Sijil Perkhidmatan dan Sijil Penghargaan Bagi Pesara-Pesara Pegawai dan Kakitangan KKBS dan Jabatan-Jabatan di Bawahnya Bagi Tahun 2019 dan 2020 dan Berpindah Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021 yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para

pesara dan pegawai serta kakitangan yang berpindah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dalam ucapannya antara lain berkata, majlis penghargaan itu diungkuhkan adalah semata-mata bagi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Penghargaan bagi pesara, pegawai yang berpindah

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan KKBS khususnya bagi para pesara dan pegawai serta kakitangan yang berpindah dalam memberikan khidmat bakti mereka sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dengan kementerian ini.

Tambahnya, majlis itu juga setentunya akan dapat mengeratkan lagi ikatan silaturahim dan ukhuwah sesama kita, bak kata pepatah 'tempat jatuh lagikita dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan mencari rezeki'.

"Secara purata pegawai dan kakitangan yang bersara yang diraikan hari ini berkhidmat selama 30 tahun dalam Perkhidmatan Awam (PA). Dalam tempoh yang panjang ini, semestinya mereka mengharungi pelbagai pengalaman suka dan duka ketika dalam perkhidmatan. Peramba / saya yakin, pengalaman serta pengetahuan yang ditimba dan dikecap selama ini patut dijadikan sebagai contoh tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang. Segala sumbangan dan legasi yang ditinggalkan dan diamanahkan kepada generasi baharu, diharapkan akan dapat dimanfaatkan serta menjadi contoh kepada penjawat awam yang masih lagi berkhidmat," ujarnya lagi.

Persaraan daripada PA tambahnya, merupakan fitrah

perjalanan hidup yang sememangnya perlu ditempuhi dalam merentasi arus masa walaupun perkhidmatan mereka dalam PA sudah berakhir, namun ini tidak bermakna penglibatan mereka dalam masyarakat juga akan turut menjadi noktah terakhir kerana sebaliknya ia menjadi satu titik permulaan kepada lembaran baharu dalam kitaran hidup seorang insan.

Dalam melalui hari-hari ke hadapan, beliau berharap supaya para pesara akan terus mengekalkan gaya hidup yang aktif, di samping mengawal pemakanan dan menjaga kesihatan.

Beliau menambah, jika selama ini *abiskita* terbiasa dengan kesibukan di pejabat dan ketika ini masih mencari-cari apa yang hendak dilakukan, antara aktiviti yang boleh diikuti adalah menyertai Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang merupakan program di bawah payung kementerian ini yang menggalakkan warga emas untuk bergiat aktif dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, keusahawanan, sosial dan keagamaan, manfaatkan persaraan ini sebaiknya.

"Kepada pegawai dan kakitangan yang berpindah sesungguhnya pertukaran kerja *abiskita* juga merupakan satu kehilangan yang amat dirasakan oleh KKBS dan jabatan-jabatan di

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

bawahnya.

"Adalah diharapkan pengalaman serta pengetahuan yang terkumpul selama berkhidmat di kementerian ini akan bermanfaat di tempat kerja baharu *abiskita*, terutama dalam melihat kepentingan peranan kementerian ini dalam sama-sama terlibat dalam pelaksanaan program dan aktiviti yang akan dilaksanakan yang bersifat *Whole of Government Approach*," tambahnya lagi.

Para pesara yang diraikan pada majlis tersebut, termasuk seramai 10 orang dari KKBS; 38 orang dari Jabatan Belia dan Sukan; 28 orang dari Dewan Bahasa dan Pustaka; 28 orang dari Pusat Sejarah Brunei; tujuh orang dari Jabatan Muzium-Muzium; dan 13 orang dari Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Majlis tersebut dapat membantu menerapkan nilai-nilai positif dalam hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga KKBS, di samping sebagai salah satu kegiatan sosial berkebakikan yang dapat mewujudkan keharmonian, memberi keceriaan dan peluang untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja, terutamanya pegawai juga kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.



HAKIM Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif / Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin semasa bergambar ramai pada Acara Makan Malam atau Law Dinner di Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan.

BERTUKAR PANDANGAN DALAM BIDANG PERUNDANGAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSL) mengadakan Acara Makan Malam atau Law Dinner di Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan yang dihadiri oleh para pelajar FSL dan tetamu jemputan yang berlatarbelakangkan bidang undang-undang.

Hadir selaku tetamu kehormat, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif / Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Turut hadir, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Bacaan doa daripada pelajar Tahun 2 dari Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, iaitu Awang Mohd. Najihuddin bin Nooralizam.

Acara dirasmikan oleh Pemangku Dekan FSL, Dr. Supri bin Haji Sudin yang antara lain beliau menekankan mengenai tujuan Acara Makan Malam ini diadakan dan pencapaian-pencapaian badan-badan pelajar FSL.

Acara Makan Malam ini

merupakan salah satu kursus wajib bagi pelajar Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (LLB BSL) tahun ketiga dan kelima.

Antara tujuannya diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan yang baik di antara pelajar dan para jemputan yang hadir daripada pelbagai latar belakang undang-undang.

Selain itu, memberi peluang kepada mereka berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dalam bidang perundangan yang mereka inginkan.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat yang disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dalam ucapan Pemangku Dekan FSL, beliau berharap

dengan adanya Acara Law Dinner ini, badan-badan pelajar akan lebih banyak peluang berkolaborasi pada masa hadapan kelak.

Beliau seterusnya berkata, "Para lulusan masa hadapan ini dapat menunjukkan model dan teladan terbaik bukan hanya cemerlang dalam akademik tetapi juga berakhlak mulia, berakhlak tinggi dan menjaga aurat mereka kerana semua ini bukan sekadar tuntutan universiti tetapi wajib ia adalah

tuntutan agama yang wajib dipatuhi".

Acara turut dimeriahkan dengan persembahan Mini Skit dan persembahan tausyeh daripada pelajar undang-undang serta tayangan video FSL dan badan-badan pelajar iaitu Persatuan Undang-Undang Syariah (Shalawsoc), Persatuan Pelajar Undang-undang Asia (ALSA) dan Mooting Kelab UNISSA (UMC).

Mantan anggota JBP anjur Majlis Tahlil

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Isnin, 12 April. - Seramai 11 orang mantan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) pagi tadi mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi anggota bomba dan kakitangan JBP yang telah kembali ke

rahmatullah, berlangsung di Masjid Sufri Bolkih, Perpindahan Burong Pingai Berakas, di sini.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah pada majlis berkenaan dipimpin oleh Imam Masjid Sufri Bolkih,

Awang Haji Mohd. Zahid bin Haji Mohd. Zain.

Acara tahunan berkenaan antara lain bertujuan untuk mengenang dan mendoakan anggota JBP yang telah kembali ke rahmatullah, selain untuk memohon kesembuhan bagi mantan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.



ANTARA yang hadir pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi anggota bomba dan kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah kembali ke rahmatullah.



كمتريڤن كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Lindungi Diri dan Orang Sekeliling Awda dari Menjadi Sakit.

CUCI TANGAN AWDA:

- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghadapi tanda-tanda serupa dengan influenza
- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan menjadi kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

f @ 123 | www.moh.gov.bn

PUK SEMANGAT KERJASAMA KUKUH, BERPANJANGAN



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Bengkel Kerja Berpasukan Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

LAMBAK KANAN, Isnin, 12 April. - Seramai 65 peserta dan 13 guru mewakili 13 buah sekolah menengah kerajaan juga swasta

berjaya menamatkan Bengkel Kerja Berpasukan Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan (PSIP) menerima siji mereka, pada

Majlis Penutup, yang berlangsung di Dewan Lifelong Learning Centre, di sini. Bengkel anjuran Jabatan



PARA peserta semasa sesi bergambar ramai.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Majlis Belia Brunei itu, diadakan selama satu hari.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan siji-siji kepada para peserta, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga selaku Yang Dipertua Majlis Belia Brunei.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohd. Arif bin Abdul Hadi, diikuti dengan acara penyampaian siji kepada para peserta yang menyertai bengkel

tersebut.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang bengkel ini berlangsung, antaranya permainan cawan dan benang, permainan straw dan gelang getah, permainan cup pyramid, permainan guli dan candas, permainan blindfold drawing, permainan blindfold dan spell that word dan energiser juga Program Mengenal Peranan Individu Dalam Pasukan.

Selain itu juga, turut diadakan Tazkirah, bertajuk 'Belia Sebagai Pemimpin Masa Depan Negara', disampaikan oleh Awang Mohammed Khairul Mu'ay bin Haji Sibodaud.

Antara tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama yang kukuh dan berpanjangan di antara ahli dalam sesebuah pasukan juga memberikan peluang kepada Ahli PSIP, bebas memberikan pandangan dan bersuara dalam memberikan pandangan dalam sesebuah aktiviti.

Bengkel ini dihasrat agar dapat memperkukuhkan hubungan di antara ahli dalam sesebuah pasukan, terutama dalam mendapatkan kerjasama dan melahirkan masyarakat yang bersifat pemimpin.

9 keluarga sasaran terima bantuan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 12 April. - Program Ziarah Mahabbah (PZM) merupakan platform yang sangat berkesan untuk melatih mahasiswa-mahasiswi menjadi bakal pemimpin masa hadapan yang mengetahui akan cara mengurus organisasi secara berkesan dan bersestematik, kreatif, inovatif, bertoleransi, bantu membantu, mempunyai sifat penyayang dan menyumbang kepada pembangunan sosial.

PZM yang memasuki kali keenam penganjurannya merupakan salah satu program khidmat masyarakat tahunan yang diungkuhkan oleh Persatuan Pelajar Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), menjelang bulan Ramadan untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa-mahasiswi tentang realiti kehidupan penduduk luar bandar yang memerlukan sokongan dan bantuan, di samping membentuk, menjalin dan mengeratkan tali persaudaraan antara UNISSA dan masyarakat luar kampus serta membantu meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang memerlukan bantuan.

Sejak pengendaliannya pada tahun 2015 hingga 2019, para pelajar telah menziarahi sebanyak

50 buah keluarga sasaran di seluruh negara, terdiri daripada penduduk Mukim Sengkarai, Mukim Kiudang, Mukim Lumapas, Mukim Tanjong Maya, Mukim Kianggeh dan Mukim Rambai. Tahun ini, ziarah dilartakan ke Mukim Ukong iaitu bagi membantu keluarga sasaran di Kampung Long Mayan dan Kampung Bukit.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bantuan PZM berlangsung di Masjid Kampung Penapar dan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Seramai sembilan buah keluarga sasaran menerima bantuan tersebut pada tahun ini, masing-masing menerima bantuan berupa sumbangan wang, kelengkapan dapur dan makanan yang diperolehi menerusi kutipan wang derma di dalam kampus, sumbangan makanan dan pakaian daripada warga universiti, hasil aktiviti jualan beberapa minggu yang dilakukan oleh para pelajar dan juga sumbangan daripada rakan kerjasama strategik iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB).

Terdahulu memulakan majlis, Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani

dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan, para pelajar telah bermastautin di Masjid Kampung Penapar selama tiga hari sejak 10 April, dengan pengisian beberapa aktiviti seperti kerja-kerja pembersihan tanah perkuburan orang-orang Islam Rumpau, pembersihan Balai Ibadat Hajah Aminah, pembersihan Masjid Kampung Bukit dan Masjid Kampung Penapar.

Di samping itu, pembersihan di dalam dan persekitaran rumah keluarga sasaran PZM serta memberikan tunjuk ajar dalam mengerjakan ibadat Fardu Ain seperti cara berwuduk dengan betul dan cara mengerjakan sembahyang dengan sempurna.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas oleh Penolong Profesor FEKIm, Dr. Kamaru Salam bin Yusof bertajuk 'Umat Islam Bagaikan Satu Anggota Tubuh Badan' yang antara lain mengongsikan Islam mendorong umatnya untuk menterjemahkan ukhawah dalam kehidupan sehari-hari, agar mereka dapat merasakan apa yang diderita saudaranya seagama dan memberikan bantuan apa pun bentuknya agar meringankan beban dan penderitaan saudaranya itu.

Majlis diserikan dengan persembahan nasyid 'Ramadan Bulan Mulia' oleh mahasiswa Tahun 1 dan Tahun 3 FEKIm.

Menyentuh mengenai pengalaman menyertai PZM, tiga



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (kanan) semasa menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.

mahasiswi semasa ditemui mengongsikan program tersebut membuka mata mereka kepada realiti yang dihadapi oleh orang yang kurang berkemampuan dan tinggal terpencil di pedalaman.

Menerusi program tersebut, Dayang Norrasidah binti Ja'afar tidak menyangka masih terdapat rumah yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan terpaksa menggunakan generator serta air yang terpaksa disambut bagi kegunaan seharian seperti untuk mandi dan memasak.

Sementara itu, Adeq Zulfiriana binti Rosidi dan Dayangku Nurul Jannah binti Pengiran Mahari pula mengongsikan pengalaman mengikuti PZM pada tahun-tahun sebelumnya, dengan menziarahi Kampung Menunggol dan

Kampung Rambai, menyaksikan adakala penduduknya tinggal jauh berasingan dari jiran tetangga dan keadaan rumah yang memerlukan bantuan.

Dengan membawakan tema, 'Masyarakat Prihatin Ukhawah Terjalin', PZM tahun ini menyaksikan penyertaan seramai hampir 100 orang terdiri daripada pelajar dan para pensyarah serta kakitangan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai selaku Pemangku Penghulu Mukim Ukong, jemputan khas dari BIBD dan YSHHB, pegawai-pegawai utama, timbalan-timbalan dekan serta timbalan-timbalan pengarah UNISSA.



Desa untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan yang tersenarai di bawah Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018.

Jumlah kadar kompaun yang boleh dikenakan bagi ketidakpatuhan peraturan tersebut adalah tidak melebihi BND500.

Antara kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan kompaun adalah meliputi kesalahan menggunakan / menghalang / meletak barang-barang jualan / membangun sebarang struktur di kawasan yang terlarang di dalam premis perniagaan dan perusahaan, khususnya kawasan kaki lima, pejalan kaki, tempat letak kereta, kawasan hijau dan kawasan garisan bangunan yang boleh menjejaskan keselamatan orang awam atau harta benda di sekeliling.

Senarai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan kompaun atau sebarang maklumat lanjut mengenai ini boleh diperoleh dengan melayari Laman Sesawang www.mod.gov.bn/tcp atau melalui Instagram @tcp.brunei.

Sebanyak 432 kesalahan yang melanggar Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2015 berjaya direkodkan bagi Daerah Brunei dan Muara dan antara lain jenis kesalahan berkenaan adalah meliputi kegiatan seperti kegiatan perusahaan ringan tanpa kebenaran sebanyak 97 kesalahan; kegiatan perusahaan sederhana sebanyak 94 kesalahan; kegiatan perusahaan berat sebanyak 16 kesalahan; tambahan-tambahan bangunan tanpa kebenaran bagi tujuan perniagaan sebanyak 88 kesalahan; perubahan penggunaan bangunan daripada

kebenaran asal tanpa kebenaran sebanyak 55 kesalahan; dan kesalahan-kesalahan lain yang boleh dikompau di kawasan sebanyak 82 kesalahan.

Hasil daripada kerja-kerja profiling yang dilaksanakan sejak tahun 2020 yang menumpukan Daerah Brunei dan Muara tersebut, didapati lokasi kesalahan-kesalahan berkenaan dijalankan antara lain tertumpu di kawasan-kawasan perniagaan dan perusahaan yang telah dikenal pasti.

Sebagai langkah pertama di dalam menangani ketidakpatuhan serta penguatkuasaan peraturan berkenaan, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan melaksanakan program Jerayawara Penguatkuasaan yang akan diadakan secara berfasa bermula bulan Jun akan datang.

Tujuan utama program jerayawara berkenaan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompau, termasuk peraturan yang berkaitan.

Pendekatan program jerayawara yang akan dijalankan tersebut adalah lebih memfokuskan kepada *educating the public before enforcing* yang akan menumpukan program jerayawara kepada para penghulu dan ketua kampung serta peniaga dan pengusaha sebagai kumpulan sasaran utama.

Majlis Perasmian Program Jerayawara Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 - Kesalahan Kompaun diadakan di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan Autoriti Perancang, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri, Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan; Pegawai-pegawai Daerah; Pengerusi-pengerusi Lembaga Bandaran; wakil daripada agensi-agensi kerajaan berkepentingan; serta jemputan khas yang terdiri daripada Ahli Dewan-dewan Perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Antara yang mengajukan soalan pada jerayawara tersebut.

PELAKSANAAN PERATURAN BAHARU DIKUATKUASAKAN 1 OGOS

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

■ **KEMENTERIAN** Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan peraturan baharu, iaitu Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 di bawah Perintah Perancangan Bandar dan Desa, 2015.

■ **PELAKSANAAN** peraturan berkenaan akan mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2021, di mana peraturan berkenaan memberi kuasa bagi pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan yang tersenarai di bawah Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018.



SESI taklimat yang disampaikan semasa Program Jerayawara Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 - Kesalahan Kompaun diadakan di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Dalam ucapan alu-aluan tetamu kehormat majlis, kepentingan pendekatan tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh, sepadu, konsisten serta adil adalah merupakan *critical success factor* di dalam memantapkan tindakan penguatkuasaan dan meningkatkan kadar pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 - Kesalahan Kompaun.

Menurutnya, pendekatan ini adalah dikira sangat relevan dan signifikan, mengambil kira usaha mewujudkan persekitaran kemajuan yang lebih teratur dan selamat adalah merupakan tanggungjawab bersama di antara agensi kerajaan, swasta dan pihak orang ramai amnya di dalam menjana ekosistem perkembangan ekonomi dan sosial yang lebih progresif, dinamik dan berdaya tahan, seiring dengan matlamat strategik

Wawasan Negara 2035 dalam meningkatkan kualiti kehidupan yang bermutu tinggi serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Majlis juga turut diisikan dengan tayangan video mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompau dan disusuli dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abd. Rahman.

Juga turut diadakan, sesi pameran kesalahan-kesalahan yang melanggar Peraturan Perancangan Bandar 2015 bertempat di Ruang Legar, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan.

Sesi pameran dibukakan kepada para jemputan yang hadir bagi membukakan peluang dan ruang sesi dialog dan soal jawab serta penerangan lanjut oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa.



ANTARA yang mengajukan soalan pada jerayawara tersebut.

Kemalangan membabitkan ambulans

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai satu insiden kemalangan jalan raya di kawasan Jerudong yang membabitkan sebuah kenderaan ambulans, Hospital Limbang pada Ahad, 11 April 2021.

Ambulans tersebut bertolak dari Hospital Limbang menuju ke Hospital Miri melalui Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan membawa seorang pesakit warganegara Malaysia dengan ditemani tiga orang kakitangan dari Hospital

Limbang.

Sejurus menerima maklumat berkenaan, Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan (EMAS : Emergency Medical Ambulance Services), Kementerian Kesihatan segera menghantar ambulans ke lokasi kemalangan untuk membantu dan membawa pesakit serta kakitangan yang tercedera ke Bahagian Kecemasan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Semua individu yang terlibat dalam kemalangan tersebut didapati hanya mengalami kecederaan ringan dan dirawat

mengikuti protokol COVID-19 yang berjalan pada ketika ini. Ambulans tersebut tidak membawa pesakit yang dijangkiti COVID-19.

Sementara itu, ambulans berkenaan telah pun diberikan kebenaran awal untuk menghantar pesakit ke Hospital Miri melalui NBD. Pada petang Ahad, 11 April 2021, sebuah ambulans tambahan dari Hospital Limbang telah pun juga diberikan kebenaran untuk ke NBD untuk membawa pesakit dan kakitangan-kakitangan berkenaan ke Hospital Miri.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak merasa cemas dan tidak menyebarkan sebarang maklumat palsu berkaitan dengan insiden tersebut.

قجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHJAJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI 1, BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

NRC RECRUITMENT

TAMBAH PENGETAHUAN DALAM PERSOLEKAN



TEAM Neqa Makeover bergambar ramai semasa mengadakan Kelas Solek yang bertemakan 'Basic Natural to Halo Glitter Brown'.

Berita dan Foto :
Ihsan Hani Js

TUTONG, Isnin, 12 April. - Team Neqa Makeover mengadakan Kelas Solek yang bertemakan 'Basic Natural to Halo Glitter

Brown' secara terperinci daripada zero to basic, bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Tutong.

Tujuan Kelas Solek ini diadakan untuk membantu sedikit sebanyak tentang cara-cara bersolek dengan betul, di samping meningkatkan kemahiran dalam persolekan. Selain itu, para peserta juga diberi peluang untuk melakukan solek sendiri supaya dapat menambahkan lagi pengetahuan dalam ilmu persolekan.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM	1385 mg	1000 mg	880 mg
	1 bungkus Mee Segera		1 biji Telur Masin
	376 mg		295 mg
	336 mg		243 mg
	120 mg		116 mg
	2.4 mg		1.7 mg
	336 mg		15 mg
	336 mg		15 mg
	1.2 mg		1.2 mg

TIPS

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang kurang / rendah / tanpa garam
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari.

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok.

MINDA PEMBACA

Sikap tidak *camah* mata sebagai cara hidup

NEGARA Brunei Darussalam bukan sahaja terkenal sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semula jadi, tetapi juga kaya dengan nilai tradisi dan budaya yang diamalkan sejak zaman nenek moyang. Ia sudah menjadi cara hidup orang-orang Brunei yang sentiasa berpegang teguh kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Nilai-nilai MIB yang telah diwarisi turun-temurun ialah seperti *inda camah* mata, *beawar galat*, *cakah*, *lutanan*, *bakarih*, setia kepada raja dan sentiasa mentaati perintah Allah. Justeru, nilai-nilai ini terus diamalkan hingga sekarang.

Dari sudut menjaga kebersihan, Islam mengajar kita supaya jangan menjadi masyarakat yang pengotor. Dalam kehidupan bermasyarakat, kita hendaklah bersatu-padu dalam hal ehwal menjaga kebersihan dengan mendisiplinkan diri dan mengamalkan budaya tidak *camah* mata. Kikis sikap malasku *ingau* dan sentiasalah berfikiran positif. Sebagai misal, jangan *camah* mata jika kita terlampau sebarang kekotoran. Tanamkan sikap bertanggungjawab dengan mengutip dan membuang sampah tersebut di tempat yang telah dihaskan. Hal ini membantu usaha kita dalam sama-sama menjaga kebersihan alam sekitar agar ia tidak kotor dan jijik. Secara tidak langsung ia juga akan melahirkan perasaan cinta kita kepada kebersihan.

Di dalam era teknologi yang semakin mencabar ini, nilai-nilai MIB ditakuti terhakis. Sebagai contoh ialah dalam aspek keselamatan. Masyarakat *kitani* sebagai pengguna jalan raya khususnya haruslah menanam sikap tidak *camah* mata dan bersedia dengan sukarela menghulur bantuan apabila terjadi kemalangan yang melibatkan kecederaan atau kerosakan. Jika sikap tidak *camah* mata terus subur dalam diri masyarakat kita, kemalangan yang membawa maut mungkin dapat diselamatkan dengan adanya tindakan segera dengan membantu membawa mangsa ke rumah sakit.

Dari segi pentadbiran pula, perkhidmatan awam adalah nadi pentadbiran kerajaan yang bertanggungjawab untuk memelihara kemaslahatan orang ramai. Sikap mesra pelanggan dan tidak *camah* mata serta bersedia untuk berbakti adalah nilai-nilai yang sangat dituntut di dalam pentadbiran negara yang bertunjangkan Islam. Perkhidmatan yang efisien dan berkesan adalah keperluan utama negara untuk mencapai kemajuan di dalam apa jua bidang termasuk keamanan dan kesejahteraan bagi mendukung kestabilan negara.

Nama : Amal Zaimah binti Awang Nawi
No. K/P : 01-041894 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Keutamaan Meminum Air Kosong'. Tarikh Tutup : 14 April 2021
- 'Bersama Menjaga Kebersihan Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : 21 April 2021
- 'Meningkatkan Amalan di Bulan Ramadan'. Tarikh Tutup : 28 April 2021

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TEMBAKAN MERIAM SEMARAKKAN KEDATANGAN RAMADAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Bulan Ramadan akan mula memasuki kiraan bagi Tahun 1442 Hijrah sejurus Azan Sembahyang Fardu Maghrib berkumandang, sekitar jam 6.27 petang, berikutan hasil merukyah Anak Bulan Ramadan yang tidak kelihatan, pada lewat petang, Isnin kelmarin.

Seakan menjadi tradisi saban tahun, iaitu setiap kali menjelang Ramadan di negara ini, sebanyak 12 das tembakan meriam akan dilepaskan sebagai tanda bermulanya umat Islam berpuasa Ramadan, pada keesokan harinya.

Pelepasan das tembakan meriam yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini, disempurnakan oleh para anggota Polis Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, diketuai oleh Pegawai Tugas Am Polis Tentera selaku Pegawai Tembak, Kapten Haji Mohammad Alihassan bin Haji Japar.

Suasana Ramadan kali ini agak sedikit berbeza dengan norma baharu, namun apa yang penting, pengisian ibadah dan ketakwaan kita yang paling utama demi membentuk iman sejati dalam sanubari kita selaku seorang mukmin.

Umat Islam di seluruh negara

PELEPASAN das tembakan meriam yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin disempurnakan oleh para anggota Polis Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas kiri dan kiri).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

juga akan mula mengerjakan iaitu malam ini, di masjid-masjid, Sembahyang Sunat Tarawih, pada surau-surau dan balai-balai ibadat, malam pertama bulan Ramadan, di seluruh negara.

Perubahan waktu operasi di pusat, klinik kesihatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai dengan waktu operasi bagi perkhidmatan kesihatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan di pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di sepanjang bulan Ramadan 1442H bersamaan 2021M adalah seperti berikut :

Bagi Daerah Brunei dan Muara, iaitu di Pusat Kesihatan Berakas, rawatan bagi gejala demam, batuk, selesema, masalah pernafasan dan sebagainya yang lazimnya mendapatkan perkhidmatan di Klinik Flu bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Berakas dan Pusat Kesihatan Muara. Bagi Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak dibukakan hanya bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Berakas sahaja. Waktu operasi pusat berkenaan adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, mulai jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam).

Sementara itu, bagi Klinik Flu dan Umum terbuka kepada semua dan waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 7.30 malam hingga 10.00 malam; Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang dan 7.30 malam hingga 10.00 malam.

Selain itu, bagi Klinik Swab COVID-19 terbuka kepada semua dan waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 7.30 malam hingga 9.30 malam; Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam, dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang dan 7.30 malam hingga 9.30 malam.

Di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu pula, rawatan bagi gejala demam, batuk, selesema, masalah pernafasan dan sebagainya yang lazimnya mendapatkan perkhidmatan di Klinik Flu bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu; Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong; Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut; dan Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam. Bagi Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak dibukakan hanya bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu sahaja. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam).

Manakala di Pusat Kesihatan dan Klinik Kesihatan yang lain di Daerah Brunei dan Muara, iaitu Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak diberikan mengikut tadahan masing-masing. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam).

Bagi Daerah Belait, di Pusat Kesihatan Sungai Liang, iaitu yang menerima rawatan bagi Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Sungai Liang sahaja. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam). Bagi Klinik Flu dan Umum terbuka kepada semua pula, waktu operasinya ialah pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang, dan 7.30 malam hingga 9.00 malam.

Di Pusat Kesihatan Seria yang menerima rawatan bagi Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Seria sahaja. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam). Sementara itu, rawatan bagi gejala demam, batuk, selesema, masalah pernafasan dan sebagainya yang lazimnya mendapatkan perkhidmatan di Klinik Flu dan adalah terbuka kepada semua. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 petang.

Selain itu, Klinik Swab COVID-19 terbuka kepada semua dan waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 petang.

Di Pusat Kesihatan yang lain di Daerah Belait, iaitu Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak bagi penduduk di bawah tadahan pusat-pusat kesihatan sahaja. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam).

Bagi Daerah Tutong, rawatan bagi semua perkhidmatan akan diberikan bagi penduduk di bawah tadahan pusat-pusat kesihatan sahaja. Waktu operasinya ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Awam).

Manakala, bagi Daerah Temburong, pesakit-pesakit boleh mengunjungi Bilik Pesakit Luar, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi dari perubahan waktu operasi tersebut. Bagi maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

Waktu operasi semasa bulan Ramadan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai waktu operasi bagi perkhidmatan ujian swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Talian Nasihat 148

Perkhidmatan	Waktu Operasi semasa Bulan Ramadhan 1442H
Talian Nasihat Kesihatan 148	Isnin- Khamis & Sabtu 8:00 pagi - 2:00 petang
	Jumaat 8:00 pagi - 12 tengah hari <i>(tutup semasa Hari Kelepasan Awam)</i>
Perkhidmatan Ujian Swab di Kompleks Sukan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha	Setiap hari (kecuali hari Jumaat) 08:00 pagi - 02:00 petang 7:30 malam - 01:30 pagi
	Jumaat 8:00 pagi - 12:00 tengah hari dan 7:30 malam - 01:30 pagi <i>(tutup semasa Hari Kelepasan Awam)</i>

Waktu Operasi semasa Bulan Ramadhan 1442H apabila Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 dibukakan kepada orang awam	
Talian Nasihat Kesihatan 148	Isnin - Ahad 8:00 pagi - 5:30 petang dan 7:30 malam - 10:00 malam <i>(tutup semasa Hari Kelepasan Awam)</i>

semasa bulan Ramadan 1442H.

Talian Nasihat Kesihatan 148 akan beroperasi setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang manakala Jumaat bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari.

Perkhidmatan ujian swab di Kompleks Sukan pula akan beroperasi setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang dan diteruskan dari jam 7.30 malam sehingga 1.30 pagi, manakala Jumaat bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan diteruskan dari jam 7.30 malam sehingga 1.30 pagi.

Operasi-operasi ini akan ditutup pada setiap hari kelepasan awam dan pada Ahad.

Manakala waktu operasi apabila Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 dibukakan kepada orang awam pada bulan Ramadan 1442H iaitu bagi Talian Nasihat Kesihatan 148 akan beroperasi setiap hari bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 5.30 petang dan 7.30 malam sehingga 10.00 malam. Operasi ini akan ditutup pada setiap hari kelepasan awam.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut. Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

PERBAIKI SURAU UNTUK KESELESAAN PENGGUNA



Berita dan Foto : Ihsan Nasrun Rashid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Penduduk Kampung Setia 'B', baru-baru ini mengendalikan Projek Membaik Pulih Surau Darul Sumor yang terletak di kampung berkenaan, di sini.

Usaha memperbaiki surau tersebut mendapat sokongan daripada penduduk-penduduk kampung dan sanak saudara serta hasil daripada derma sumbangan dan bermatlamat untuk kegunaan harian



PENDUDUK Kampung Setia 'B' mengendalikan Projek Membaik Pulih Surau yang terletak di kampung berkenaan (kiri dan atas).

penduduk kampung bagi menggunakan surau berkenaan sempena kedatangan bulan Ramadan.

Semasa kempen tersebut, penduduk kampung juga berpeluang untuk menghulurkan bantuan seperti menghulurkan sedekah berupa makanan dan minuman semasa melaksanakan projek tersebut.

Dengan adanya aktiviti

sedemikian akan dapat mewujudkan sikap tidak camah mata khususnya dalam kalangan penduduk kampung serta memupuk sikap saling bantu membantu sesama jiran dan masyarakat.

Projek Membaik Pulih Surau tersebut merangkumi membersihkan surau, mengganti atap surau berkenaan, menukar papan lantai dan kayu yang sudah mereput, memperbaiki tempat mengambil wuduk, memperbaharui warna bangunan

surau berkenaan, menambah tiang batu serta memperbaiki tiang-tiang batu bagi kegunaan dan keselamatan para pengguna.

Akhir sekali, penduduk kampung juga memperbaiki siling surau berkenaan yang sudah lama dan semakin mereput. Dengan adanya projek sedemikian, akan dapat lagi memberikan kegunaan surau khususnya penduduk kampung dalam menjalani ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala khususnya pada bulan Ramadan ini.

Wanita mampu menanggapi cabaran



SESI Kafe Ilmu yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Bersempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang bertemakan 'Wanita Dalam Pembangunan : Menggalas Cabara', Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) mengadakan satu sesi Kafe Ilmu yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini.

Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Dipertua PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin.

Antara objektif acara ini diungkapkan adalah untuk memperluas dan memperdalam ilmu melalui perbincangan yang memfokuskan kepada topik yang relevan; memperolehi mekanisme yang berpotensi untuk dicontohi melalui isi perbincangan semasa sesi; membincangkan dasar dan

undang-undang yang sedia ada khususnya berkaitan dengan isu-isu yang berbangkit seperti keganasan, penyelesaian hutang atau kebajikan pekerja misalnya.

Selain itu, mengenal pasti asas bagi penyediaan bagi dasar atau polisi kerja khusus yang berkaitan di tempat kerja seperti tempat merujuk masalah kerja contohnya Seksyen Kaunseling untuk para pekerja daripada Syarikat Swasta dan mengetengahkan keperluan bantuan-bantuan khusus untuk biaya perubatan, perbelanjaan harian atau pemberian kerja-kerja sementara.

Selanjutnya, meningkatkan kesedaran mengenai beberapa pusat perkhidmatan yang boleh membantu dalam mempermudah kerumitan yang dihadapi; meneliti keberkesanan penguatkuasaan dalam mempraktikkan saranan-saranan pihak berwajib khususnya dalam mentadbir urus ehwal kebajikan pekerja dan mendapatkan maklum balas yang

konkrit daripada individu terutama golongan ibu-ibu tunggal yang berkerjaya mengenai keperluan bantuan dalam pengurusan rumah tangga mereka.

Objektif seterusnya adalah untuk mengenal pasti demografi serta profil wanita-wanita berkerjaya yang bergantung kepada bantuan rumah tangga dalam pengurusan rumah tangga mereka dan mengenal pasti penyelesaian terhadap isu-isu yang berimpak tinggi dan membuat beberapa cadangan yang perlu ke arah wanita dan pembangunannya.

Sesi tersebut telah menyediakan 10 topik meja yang perlu dibincangkan oleh ahli-ahli profesional dan pakar khususnya dalam bidang mengikut tajuk meja masing-masing.

Perbincangan berkumpulan diadakan secara selari dan rumusan perbincangan dibentangkan oleh setiap wakil meja pada penghujung sesi tersebut.

Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan semasa sesi tersebut ialah pendidikan; kesihatan; undang-undang, keselamatan dan sekuriti; perkhidmatan; perbankan dan kewangan; keusahawanan; teknologi infokomunikasi; menembusi siling kaca dan pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan.

PSW mengharapkan acara yang diadakan ini memberikan manfaat untuk mempersiapkan para wanita khususnya dalam memperkuatkan diri menghadapi cabaran mendatang dan turut sama mengambil bahagian dalam pembangunan negara.

Tambahan, PSW merupakan sebuah Badan Bukan Kerajaan yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990 di mana sejak penubuhannya 31 tahun lalu, persatuan yang mempunyai ramai ahli-ahli profesional ini telah banyak kali mengendalikan program dan kegiatan kemasyarakatan, akademik dan profesional sesuai dengan matlamat penubuhannya.



Dihukum atas kesalahan mencuri

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Mahkamah Tinggi baru-baru ini menjatuhkan hukuman ke atas dua lelaki warga tempatan, Mohammad Faizul bin Brahim dan Abdul Amirin Shaff'ien bin Morni, masing-masing atas kesalahan di bawah Seksyen 454, 414 dan 380 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Mohammad Faizul bin Brahim (Defendan Pertama - D1) dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan tiga kali sebatan.

Bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 454 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, D1 dijatuhkan hukuman tiga tahun dan tiga kali sebatan, manakala satu tahun dan empat bulan penjara dijatuhkan ke atas D1 bagi pertuduhan ketiga di bawah Seksyen 380 akta yang sama, di mana hukuman-hukuman ini berjalan secara serentak.

Sementara itu, Abdul Amirin Shaff'ien bin Morni (Defendan Kedua - D2) pula dijatuhkan hukuman satu tahun dan dua bulan penjara bagi pertuduhan kedua di bawah Seksyen 414 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Hakim Harnita Zelda Skinner menetapkan hukuman kedua-dua defendan berkenaan dijalankan bermula 25 Mac 2021.

Dalam fakta kejadian, D1 berumur 24 tahun didakwa melakukan kesalahan sekitar jam 11.00 pagi di antara 30 Disember 2020 dan 16 Mac 2021 dengan memecah masuk sebuah rumah di Jalan Bangungos, Kampung Tanjong Maya, Tutong bagi tujuan mencuri.

Semasa kejadian, D1 mencuri lima rim kereta yang dijumpai di dalam bilik stor; satu penghawa dingin window jenama York, satu kipas dinding jenama Khind dan satu radio berwarna merah dijumpai di ruang tamu rumah berkenaan.

D2 yang berumur 30 tahun pada hari sama, iaitu di antara 30 Disember 2020 dan 16 Mac dengan sukarela membantu D1 untuk memindah dan mengangkat barang-barang yang telah dicuri ke dalam kereta D1.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa, Awang Kamal Ariffin bin Ismail.

476 PAKET MAKANAN DAGING BEKU DIRAMPAS



ANTARA barang yang dirampas semasa rondaan pencegahan oleh keanggotaan Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei.

TEMBURONG, Isnin, 12 April. - Sejumlah 476 paket makanan daging beku dirampas semasa rondaan pencegahan yang dikendalikan di kawasan KM23.5 Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin pada 10 April 2021, sekitar jam 8.44 malam.

Penahanan berkenaan dijalankan oleh keanggotaan Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ke atas sebuah kenderaan yang mencurigakan yang sedang dalam perjalanan dari Daerah Temburong menghala ke Bandar Seri Begawan.



PAKET makanan daging beku dirampas semasa rondaan pencegahan yang dikendalikan di kawasan KM23.5 Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Sejurus pemeriksaan dijalankan menemukan bungkusan kotak-kotak dipercayai berisi paket-paket daging beku dan beberapa kotak produk kecantikan yang disimpan di bahagian tempat duduk penumpang belakang dan bahagian bonet kereta suspek.

Seramai dua orang suspek (pemandu dan penumpang) melibatkan warganegara tempatan turut ditahan kerana dipercayai terlibat dengan membawa masuk daging mentah tanpa sebarang kebenaran dan permit yang sah.

Barang-barang yang tidak diisytiharkan berjenama Ayam Frankfurt Sosej, drummet, nugget dan lain-lain jenis diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) berserta suspek bagi siasatan lanjut.

Dalam hal ini, PPDB akan sentiasa meningkatkan keupayaan dalam memperkasa usaha kerajaan untuk sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan jenayah rentas sempadan.



كمنترين كصيحتم
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK

Sebagai Majikan, Awda perlu:

1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5 PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

123 www.moh.gov.bn

Pastikan Perintah Pekerja 2009 dipatuhi

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Jabatan Buruh sukacita ingin memaklumkan akan waktu bekerja mengikut Perintah Pekerjaan 2009.

Waktu jam bekerja di bawah Perintah Pekerjaan bermaksud tempoh di mana pekerja hendaklah menjalankan kewajipan yang diberikan kepadanya oleh majikannya.

Namun tidak termasuk masa yang dibenarkan untuk rehat, minum petang dan makan. Jam bekerja dalam satu hari / seminggu adalah bagi pekerja yang bukan syif, jam bekerja hendaklah tidak boleh melebihi lapan jam sehari atau lebih daripada 44 jam seminggu; bagi pekerja syif, jam bekerja tidak boleh melebihi purata 44 jam seminggu atas mana-mana tempoh yang berterusan selama tiga minggu tertakluk kepada

maksima 12 jam sehari.

Semua kerja yang melebihi masa seperti yang dinyatakan adalah dianggap sebagai kerja lebih masa.

Kebenaran bagi jam bekerja pada bulan Ramadan bagi sektor swasta yang kurang daripada apa yang telah ditetapkan dalam Perintah Pekerjaan 2009 adalah tertakluk kepada budi bicara dan pertimbangan majikan.

Manakala kerja yang lebih daripada jam bekerja yang telah ditetapkan iaitu selama lapan jam sehari ataupun 44 jam seminggu adalah dianggap sebagai kerja lebih masa (*overtime*).

Pekerja adalah tidak dibenarkan untuk bekerja lebih daripada 12 jam sehari (termasuk kerja lebih masa). Ia hendaklah dibayar jika pekerja dikehendaki bekerja di luar jam bekerja yang telah dipersyaratkan

di dalam kontraknya.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Buruh, pembayaran untuk kerja lebih masa mestilah dibayar dalam masa 14 hari selepas hari terakhir tempoh gaji. Kadar bayarannya adalah 1.5 kali kadar gaji asas gaji sejam.

Had bekerja lebih masa yang dibenarkan dalam sebulan adalah sebanyak 72 jam sahaja. Walau bagaimanapun, had ini boleh melebihi jika diberikan kebenaran oleh Pesuruhjaya Buruh.

Menurut Bab 65 (4), mana-mana majikan yang gagal untuk membayar kerja lebih masa, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari BND3,000, dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (selepas waktu bekerja).

3 syarikat diarahkan membayar denda

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Pada bulan Februari dan Mac 2021, tiga syarikat tempatan diarahkan untuk membayar denda setelah wakil syarikat-syarikat tersebut mengaku bersalah di Mahkamah Majistret kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggagal 35).

Pada bulan Februari 2021, Maicom Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

Seterusnya, pada bulan Mac 2021, Usaha Asilati Sdn. Bhd. dan Attacca Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal menghadapkan Penyata-Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 adalah diingatkan untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan dan kegagalan untuk menghadapkannya adalah satu kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

PENDEDAHAN ASAS PERTOLONGAN CEMAS

Siaran Akhbar dan Foto :

Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan sesi Taklimat Pengembangan dan Latihan Profesional untuk guru-guru, pembantu-pembantu guru dan kakitangan sekolah yang disampaikan oleh Tenaga Pengajar Kanan, Bahagian Pertolongan Cemas dari Syarikat Megamas Trading Sdn. Bhd., Bahrom Shem.

Turut hadir selaku Pengerusi

Acara ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Sekolah YSHHB, Mohd Fliti bin Abdel Majed; Pengetua TASKA YSHHB, Datin Hajah Zainab binti Haji Abd. Wahab; Pengetua Sekolah Rendah, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi dan Pengetua Sekolah Menengah, Chong Li Chen.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Mohd Nazmi bin Puasa. Seramai 210 peserta mengikuti taklimat yang bertajuk 'Asas Pertolongan Cemas'

tersebut.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang kepentingan tatacara rawatan pertolongan cemas apabila berlakunya kecemasan.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh peserta dan secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kesiapsiagaan dan membina kapasiti para peserta agar kecederaan tidak bertambah buruk.

Acara diakhiri dengan sesi soal jawab, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada Bahrom Shem oleh Pengetua TASKA YSHHB, Datin Hajah Zai nab.



MAJLIS penyampaian cenderahati kepada Bahrom Shem.

Sentiasa jaga kebersihan, keselamatan persekitaran



KEMPEN Membersihkan Tanah Perkuburan Islam Bukit, Kampung Serasa Muara (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Ihsan Awang Abdul Rahman Haji Mustapa

MUARA, Isnin, 12 April. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Perintis Bukit Tempayan Pisang (Biro Ekonomi) dan Majlis Perundingan Kampung

(MPK) Serasa dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Perpindahan Serasa serta Purih dari Kampung

Serasa mengadakan Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Islam Bukit, Kampung Serasa Muara, baru-baru ini, di sini.

Hadir bagi sama-sama membantu menjayakan kempen tersebut ialah Pengerusi AJK Perintis Bukit Tempayan Pisang, Serasa, Awang Haji Othman bin Abdul Rahman. Kempen tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Mustapa.

Lebih daripada 30 orang menyertai kempen tersebut termasuk beberapa orang kaum wanita dari AJK Perintis Bukit Tempayan Pisang Serasa.

Selain daripada mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara AJK Perintis Bukit Tempayan Pisang dan para penduduk kampung, kempen tersebut juga bertujuan untuk sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan persekitaran dalam serta luar kawasan perkuburan dan sambil beramal. Kempen tersebut diakhiri dengan bacaan tahlil yang dikepalai oleh Inspektor Md. Shahrini bin Haji Abd. Wahab.



Perubahan waktu perkhidmatan kaunter

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perubahan waktu perkhidmatan kaunter-kaunter di Bahagian Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen serta perkhidmatan pendermaan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-Tabung Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM) sepanjang bulan Ramadan bagi Tahun Hijrah 1442 / 2021 Masihi.

Waktu buka kaunter-kaunter perkhidmatan di bahagian-bahagian di Jabatan Perkhidmatan Makmal tersebut ialah pada Isnin hingga Khamis dan juga Sabtu.

Manakala Perkhidmatan Pengambilan Darah di kesemua hospital bermula jam 8.00 pagi sehingga 1.45 petang; Pusat Penerimaan Spesimen di Hospital RIPAS bermula jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang dan Perkhidmatan Pendermaan Darah di kesemua hospital bermula jam 8.15 pagi sehingga 1.30 petang.

Kaunter-kaunter perkhidmatan adalah ditutup setiap Jumaat dan Ahad. Manakala Bahagian-Bahagian Makmal yang beroperasi 24 jam akan mengekalkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti biasa.

Di samping itu, Pusat Pendermaan Darah di Hospital RIPAS akan melanjutkan waktu perkhidmatan pada sebelah malam pada tarikh-tarikh yang ditetapkan iaitu pada 15, 17, 20, 22 dan 24 April tahun ini dari jam 8.00 malam sehingga 10.00 malam.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai mana-mana perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Makmal bolehlah menghubungi jabatan menerusi talian +673 2242424 sambungan 6001.

Bahagian	Waktu Perkhidmatan
Perkhidmatan Pengambilan Darah di kesemua Hospital	8.00 pagi hingga 1.45 petang
Pusat Penerimaan Spesimen di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha	8.00 pagi hingga 2.00 petang
Perkhidmatan Pendermaan Darah di kesemua Hospital	8.15 pagi hingga 1.30 petang

Tarikh	Waktu Perkhidmatan
Hari Khamis, 15 April 2021	8.00 malam hingga 10.00 malam
Hari Sabtu, 17 April 2020	8.00 malam hingga 10.00 malam
Hari Selasa, 20 April 2021	8.00 malam hingga 10.00 malam
Hari Khamis, 22 April 2021	8.00 malam hingga 10.00 malam
Hari Sabtu, 24 April 2021	8.00 malam hingga 10.00 malam



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN : JPE / LTK / PDP / 004 / 2021

TAJUK TAWARAN : ENGINEERING DESIGN AND SETTINGS FOR PROTECTION SCHEME UPGRADE AND FIBRE OPTICS FOR DES 66/11KV ANDUKI SUBSTATION

YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

KELAYAKAN : KELAS III, IV ATAU V dalam Kategori E03

Tarikh Tutup : Selasa, 27 April 2021 (Jam 2.00 Petang)



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

BILANGAN TAWARAN : RTB / K / 01 / 21 - 22

TAJUK TAWARAN : PENGGAMBARAN DAN PENYUNTINGAN RANCANGAN HIBURAN TV, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB.

BAYARAN TAWARAN : BND5.00 (tidak dikembalikan)

SALINAN KERTAS (Hardcopy) : BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup : Rabu, 21 April 2021, jam 1.00 Petang

BILANGAN TAWARAN : RTB / K / 02 / 21 - 22

TAJUK TAWARAN : PENGGAMBARAN DAN PENYUNTINGAN RANCANGAN HIBURAN TV, BAHAGIAN



RANCANGAN TV, RTB.

BAYARAN TAWARAN : BND5.00 (tidak dikembalikan) SALINAN KERTAS (Hardcopy) : BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup : Rabu, 21 April 2021, jam 1.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Sebut Harga 1 : TO SUPPLY AND INSTALL NEW AIR CONDITIONING AND GENERAL SERVICING AT HSSE BUILDING BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT AME / 2021-2022 / SH-31 (KELAS III)

Bayaran yuran dokumen sebut harga : BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga : Rabu, 21 April 2021 (hingga jam 2.00 Petang)



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bandar Seri Begawan, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

KENYATAAN : BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : KHEU / JPI / MK / SUAMP RIPAHS, KATOK / 24

NAMA SEKOLAH : Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok

KENYATAAN : BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : KHEU / JPI / MK / SA RIMBA / 25

NAMA SEKOLAH : Sekolah Arab Rimba

KENYATAAN : BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : KHEU / JPI / MK / MIB, TUT / 20

NAMA SEKOLAH : Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong

KENYATAAN : BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 22 Ramadan 1442H / 4 Mei 2021M, tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA [BAHAGIAN MINUMAN KOTAK - REHAT JAM 10.00 PAGI]

BILANGAN TAWARAN : KHEU / JPI / MK / SMALHB / 14

NAMA SEKOLAH : Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

KENYATAAN : BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : KHEU / JPI / MK / SPA, BSB / 18

NAMA SEKOLAH : Sekolah Persediaan Arab

Tarikh Tutup Sebut Harga : Rabu, 28 April 2021

(hingga jam 2.00 Petang)



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Sebut Harga 1 : KERJA-KERJA PEMOTONGAN POKOK-POKOK DI LUAR PAGAR STESEN KAJICUACA LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, JABATAN PENERBANGAN AWAM AME / 2021-2022 / SH-34 (KELAS I)

Tajuk Sebut Harga 2 : TERM CONTRACT FOR WILDLIFE ISSUES AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT FOR TWELVE (12) MONTHS AME / 2021-2022 / SH-37 (KELAS I, II dan III)

Bayaran Yuran dokumen sebut harga : BND10.00 (Tidak Dikembalikan)



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN
INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

'TO IDENTIFY
TELECOMMUNICATION CABLES AT
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
DRAINAGE SYSTEMS'

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2021 / SH-10

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :



tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari,
Rabu, 21 April 2021.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

'THE SUPPLY AND
INSTALL OF 24 CORE AND 12 CORE
FIBER OPTIC CABLE FROM FCR TO
SAR AND LEVEL 12 ATSC'

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2021 / SH-09

Tarikh Tutup :
21 April 2021 (Rabu)

Bayaran Yuran Sebut Harga :



BND5.00
(tidak dikembalikan)



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN DUKAN**

BIL TAWARAN :
JBS / TDR / BPE / UKKS / 15 / 2020 PT.2

TAJUK TAWARAN :
CONTRACT FOR 24 MONTHS ON
HOUSEKEEPING LANDSCAPE
MAINTENANCE, GRASS CUTTING
& GARBAGE
COLLECTING OF
EXISTING JABATAN BELIA DAN
SUKAN SPORTS COMPLEXES
AND VENUES

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
4 Mei 2021,



jam 2.00 Petang,
Selasa.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN DUKAN**

BIL TAWARAN :
JBS / TDR / BPE / UKKS / 18 / 2021

TAJUK TAWARAN :
CONTRACT FOR 12
MONTHS ON
HOUSEKEEPING LANDSCAPE
MAINTENANCE,
GRASS CUTTING &
GARBAGE COLLECTING OF
EXISTING JABATAN BELIA DAN
SUKAN SPORTS COMPLEXES AND
VENUES

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
4 Mei 2021,



jam 2.00 Petang,
Selasa.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN
TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / FY2021 / DITU / TA / 04
SUPPLY, DELIVERY
AND COMMISSIONING
NEW SCISSOR LIFT

BAYARAN TAWARAN :
BND10.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
27 April 2021,



Tidak Lewat Jam
2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN
TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / FY2021 / DITU / TA /
03
RENEWAL OF LICENSE AND
ADDITIONAL LICENSE QUANTITIES
FOR SYMANTEC SOFTWARE
(3 YEARS)

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
27 April 2021,



Tidak Lewat Jam
2.00 Petang



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH BESAR
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

KES NO. BCY / CP / 69 / 2017

Nama Penghutang - Haji Rosman bin Haji Kamis (BYIC 00-278067). Alamat - No.5, Simpang 127, Kg. Bukit Penggal, Tutong TB1341, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 69 tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 40.2 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 17 Mac 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

10 Mac 2021

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA
KES NO. BCY / CP / 683 / 2015

Nama Penghutang - Mohammad Sukry bin Haji A. Metassim (BYIC No. 00-272947). Alamat - No.27, Lot 100, Simpang 2017-14, STKRJ Perpindahan Mata-mata. Gadong BE1918, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 683 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 21.6 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 17 Mac 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

10 Mac 2021

MUHD MUZAKKIR BIN HJ ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

KES NO. BCY / CP / 166 / 2016

Nama Penghutang - Saliha binti Haji Ibrahim (BYIC 00-289700). Alamat - No.25, Spg.5, Kg. Sg. Buloh, Bandar Seri Begawan, BU1229, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 166 tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 80 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 14 November 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH HAJI ABD
WAHAB**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA

KES NO. BCY / CP / 3 / 2013

Nama Penghutang - Mohammad Hazrin bin Kasim (BYIC No. 00-291202). Alamat - No.23, Simpang 27, Jalan Paya Palembang, RPN Bukit Beruang, Tutong, TC 3345, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 3 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 75 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 14 November 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH
HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

KES NO. BCY / CP / 128 / 2016

Nama Penghutang - Yunuss bin Omar (BYIC 00-075701). Alamat - No.5, Block B, SPO Flat Polis, Berakas, BB 2713, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 128 tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 45 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 22 Oktober 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH
HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA
KES NO. BCY / CP / 42 / 2018

Nama Penghutang - Roslan bin Haji Yusof (BYIC No. 261288). Alamat - No.4, Simpang 791-72-21, STKTJ Kg. Sg. Buloh, Bukit Sibangging BU1229, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 42 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 12 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 22 Oktober 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH
HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

KES NO. BCY / CP / 223 / 2005

Nama Penghutang - Saiful Rizal bin Sabli (BYIC 00-282784). Alamat - No.24, Lot 2514, Spg.455, Kg. Bakong Lumut KC 2935, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** -



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : III & IV
KATEGORI : B01**

27 April 2021
(Selasa)
Jam 2.00 petang

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM008 / 2021**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI
BANGUNAN TERMINAL PERAHU
DAN PENUMPANG BANGAR,
TEMBURONG**

**NO. PROJEK :
2021DBSBM / MTIC.01**

**YURAN TAWARAN :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)
Tarikh Tutup :**



**JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

**Nama Tawaran :
Tender For Two (2) Years Term Contract
Daily Cleaning
Of Bangunan Pasar
Gadong And Surrounding Areas,
(August 2021
Until 31 July 2023)**

**Bilangan :
JBBSB / LTK / 2021-2022 / 01 / UPA**

**YURAN TAWARAN :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
20 April 2021**



**Jam :
12.00 Tengah Hari**

Kebankrapan No. 223 tahun 2005. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 13.7 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 22 oktober 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH
HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI DIVIDEN PERTAMA

KES NO. BCY / CP / 408 / 2011

Nama Penghutang - Zainal bin Tilah (BYIC No. 00-075749). Alamat - No.1, Simpang 542-139, Kg. Sungai Hanching, Jalan Muara, BC 2115, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 408 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 35 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 24 September 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH
HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

KES NO. BCY / CP / 701 / 2010

Nama Penghutang - Mohd. Azmandy bin Abdul Rahman (BYIC No: 00-286574). Alamat - No.195, Simpang 784, Unit 10, Simpang 413-58-35, Kg. Pengkalan Sibabau BU2529, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 701 tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 40 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 24 September 2020. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

16 Mac 2021

**NUUROR-RAHEEBAH
HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

PENUTUPAN SEMENTARA PERKHIDMATAN UJIAN SWAB

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai penutupan sementara bagi ujian swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Talian Nasihat Kesihatan 148.

Perkhidmatan ujian swab di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS dan Talian Nasihat Kesihatan 148 adalah ditutup pada hari pertama bulan Ramadan bagi Tahun Hijrah 1442 / 2021 Masihi.

Walaupun bagaimanapun, orang ramai yang ingin mendapatkan ujian swab pada hari tersebut, bolehlah mendapatkan ujian berkenaan di Pusat Kesihatan Berakas pada jam 2.00 hingga 3.30 petang dan 7.30 malam hingga 9.30 malam.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut. Bagi maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

Bantu kesan pekerja lari

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui satu laporan yang dibuat di Balai Polis Bandar Seri Begawan (BSB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki, warganegara Bangladesh, Md. Jolil, 44 tahun dan pemegang nombor pasport BR0882311 yang dipercayai lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Pusat BSB menerusi talian +673 2242334 dan talian kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



WARGANEGARA Bangladesh, Md. Jolil, 44 tahun dan pemegang nombor pasport BR0882311.

Pekerja warganegara Indonesia lari daripada majikan

BERAKAS, Isnin, 12 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui satu laporan yang dibuat di Balai Polis Bandar Seri Begawan (BSB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia, Yuyun Andriani, 30 tahun dan pemegang nombor pasport C5295706 yang dipercayai lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Pusat BSB menerusi talian +673 2330410 dan talian kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



WARGANEGARA Indonesia, Yuyun Andriani, 30 tahun dan pemegang nombor pasport C5295706.



Kenali Bahasa Brunei

bagalap bermaksud bergurau senda.

Contoh pemakaian kata: adang luan kan **bagalap** ani, batak karang siapnya karaja kitani.

panggalarku bermaksud tanggapan atau pendapat mengenai sesuatu atau seseorang.

Contoh pemakaian kata: balik-balik ia batanya, **panggalarku** ia atu bibiran.

galat bermaksud segan silu kerana hormat, tidak biasa, berasa rendah diri, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata: **galat** ia kan bajumpa bakal matuanya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG SETIA 'A'



Foto : Azmah Haji Ahad

LAUK AMPAP

BAHAN-BAHANNYA :

1 kilo Ikan Tamanung
8 biji bawang merah (dikisar)
15 tangkai lada kering (dikisar)
20 keping asam aur-aur
1 cawan air

Sedikit garam dan serbuk perasa.

CARA MEMBUATNYA :

Simpan Ikan Tamanung dalam periuk berisi air bersama bawang

merah dan lada kering yang dikisar. Kemudian masukkan asam aur-aur, sedikit garam dan serbuk perasa. Masak atas api yang sederhana selama lima minit.

GIAT BERSIHKAN TANAH PERKUBURAN



AHLI-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' dan penduduk sekitarnya semasa mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan tanah perkuburan (kiri). Sementara gambar bawah kiri, acara dimulakan dengan bacaan Tahليل dan Doa Arwah.

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B'



JERUDONG, Isnin, 12 April. - Dalam sedikit masa sahaja lagi, umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Untuk itu, seluruh umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadah antaranya dengan mengadakan pelbagai kegiatan keagamaan dan salah satunya ialah kegiatan membersihkan tanah-tanah perkuburan orang-orang Islam.

Sehubungan itu, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' dan penduduk sekitarnya telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan empat lokasi

tanah perkuburan di Kampung Jerudong iaitu Tanah Perkuburan Seligai, Tanah Perkuburan Kanak-kanak, Sungai Limau dan Piasau-piasau.

Aktiviti berkenaan diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang. Selain melakukan kerja-kerja amal dan kemasyarakatan, ia juga dihasratkan dapat mengeratkan hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan penduduk kampung.

Kegiatan ini merupakan kesinambungan daripada aktiviti bulanan yang dianjurkan oleh Biro Kemasyarakatan, MPK Jerudong 'B'.

Tip KESIHATAN

SECARA RINGKAS, APA ITU BIPOLAR?

BIPOLAR adalah sejenis penyakit mental yang melibatkan gangguan emosi yang ketara. Dahulunya ia dikenali sebagai *manic depression* tetapi istilah ini tidak lagi diguna pakai dalam bidang perubatan masa kini.

Dalam bahasa Melayu ada kalanya penyakit ini juga dikenali sebagai kecelaruan dwikutub. Perasaan gembira yang melampau ini dikenali sebagai fasa mania dan jika gejala mania tersebut tidak begitu ketara, ia dikenali sebagai Hypomania. Terdapat dua jenis penyakit Bipolar iaitu Bipolar I (satu) dan Bipolar II (dua).

Apakah perbezaannya?

Bipolar I : Terdapat sekurang-kurangnya satu fasa mania, tidak kira sama ada terdapat fasa kemurungan ataupun tidak.

Biasanya fasa kemurungan mendahului fasa mania dan ini menyebabkan ada pesakit yang didiagnosis mempunyai kemurungan atau Major Depressive Disorder pada permulaan sebelum didiagnosis mengalami Bipolar. Gejala psikosis seperti halusinasi serta delusi boleh berlaku pada pesakit Bipolar jenis ini.


Bipolar II : Terdapat fasa Hypomania dan fasa kemurungan. Pesakit tidak pernah mengalami fasa mania. Ramai beranggapan bahawa ia merupakan jenis Bipolar yang lebih ringan tetapi ini tidak benar kerana fungsi kehidupan yang terjejas didapati sama seperti mereka yang mengalami Bipolar I.

Fasa kemurungan yang dialami oleh pesakit haruslah memenuhi kriteria untuk diagnosis Major Depressive Disorder dan bukannya kesedihan biasa iaitu di mana pesakit mengalami kesedihan berpanjangan sekurang-kurangnya selama dua minggu.

Bagaimana diagnosis dibuat?

Seperti penyakit mental yang lain, perlu dipastikan bahawa gejala-gejala yang dialami bukanlah disebabkan oleh kesan pengambilan dadah atau penyakit fizikal.

Untuk itu, selain daripada pengambilan sejarah penyakit daripada pesakit dan keluarga, pemeriksaan fizikal, ujian makmal serta ada kalanya ujian radiologi perlu dijalankan untuk kepastian.



Faktor risiko

1. Persekitaran

Sejarah penderaan ketika kanak-kanak serta tekanan yang berpanjangan merupakan antara faktor risiko yang dikenal pasti.

Ia didapati lebih tinggi di negara berpendapatan tinggi. Mereka yang telah berpisah, bercerai atau kematian pasangan mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk Bipolar I berbanding mereka yang berkahwin atau tidak pernah berkahwin.

2. Genetik

Faktor genetik merupakan faktor yang memainkan peranan yang penting untuk penyakit ini. Didapati, risiko adalah 10 kali ganda bagi mereka yang mempunyai ahli keluarga yang mempunyai Bipolar.

Rawatan

Penyakit ini boleh dirawat dengan menggunakan ubatan penstabil emosi (*mood stabilizer*) serta antipsikotik.

Dalam fasa kemurungan pula, ubatan anti-kemurungan turut diberikan bersama ubat penstabil emosi.

Rawatan ubatan ini perlu diambil untuk jangka masa panjang dan pesakit perlu hadir untuk temu janji secara tetap.

Di samping itu, rawatan psikoterapi juga dijalankan bagi membantu penyembuhan.

Antara jenis psikoterapi yang dijalankan termasuk terapi kognitif dan tingkah laku.

Rawatan psikoterapi membantu seseorang itu memahami dirinya dan penyakit di samping membantu pesakit mencari kemahiran terbaik bagi menghadapi tekanan serta masalah.

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 7.

BANDAR BRUNEI, RABU, 5 APRIL 1961 (18 Shawal, 1380)

PERCHUMA.

KEMAJUAN NEGERI PERLU DI-UTAMAKAN

BANDAR BRUNEI—Keadaan kewangan negara, perniagaan, kemajuan dan rancangan ekonomi di-negeri ini telah di-terangkan oleh perwakilan Brunei di-persidangan ECAFE (Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh) yang berlangsung di-New Delhi, ia dalam bulan lepas.

Dalam satu ucapan ketua perwakilan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, berkata bahawa keadaan kewangan negara sa-lepas perang dunia kedua ada-lah membuktikan usaha2 kerajaan hendak meluaskan tindakan2-nya.

Sa-belum perang dunia kedua kerajaan hanya mementingkan tenaga-nya kepada keamanan, ketenteraman dan urusan tanah.

"Sa-lepas perang kerajaan telah menumpukan tenaga-nya dalam lapangan ekonomi dan kemasharakatan dan satu rancangan lima tahun dari 1953 hingga 1958 telah di-lancarkan," kata Dato Setia.

RANCANGAN 5 TAHUN

Sungguh pun rancangan lima tahun dan lain2 perkhidmatan negara memerlukan wang yang banyak tetapi Kerajaan tidak berasa bimbang oleh sebab hasil negeri berlembah dari perbelanjaan di-sebabkan oleh hasil yang telah di-dapati dari perusahaan minyak.

"Sungguh pun demikian, Brunei menyedari bahawa minyak ialah satu harta yang makin lama makin kurang dan bagi menghadapi-beberapa langkah yang mustahak ada-lah perlu di-ambil sa-belum minyak itu habis," kata Dato Setia.

Para perwakilan Brunei itu telah mendapat pengalaman yang berguna dari perbinchangan dan bahathan yang di-jalankan dalam persidangan.

Mereka telah juga membuat

Kursus hospital di-England

BANDAR BRUNEI. — Sheikh Osman bin Sheikh Abdul Hanif, sa-orang hospital assistant di-rumah sakit besar, Bandar Brunei, telah berlepas ka-United Kingdom kerana mengambil kursus pertadbiran rumah sakit.

Sheikh Osman di-jadualkan balik ka-Brunei dalam masa empat bulan sa-telah tamat latehan itu.

hubungan dengan para2 perwakilan lain2 negeri yang mengam-

bil bahagian dalam persidangan tersebut.

Rombongan Brunei ka-persidangan itu terdiri dari:

Dato Setia Marsal bin Maun, Timbalan Setia Usaha Kerajaan (ketua), Inche Sa'ad bin Marzuki, Setia Usaha Perkembangan (setia usaha), Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara, Inche Chua Kwang Soon, Penguasa Kastam dan Inche Zaini bin Haji Ahmad, (jurubahasa kepada ketua rombongan).



Duli Yang Maha Mulia menyambut sa-orang murid sekolah yang telah datang mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada baginda.

D. P. B. MUNGKIN RASMIKAN PEMBUKAAN MINGGU BAHASA

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara di-jangka akan membuka dengan rasmi-nya Minggu Bahasa pada pagi 10 April hadapan.

Perkara tersebut telah di-persetujui dalam meshuarat jawatan kuasa bahagian kempen Minggu Bahasa yang telah di-langsungkan di-sini baharu2 ini dengan Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, sa-bagai pengerusi.

Meshuarat itu telah bersetuju hendak mengadakan sambutan pembukaan Minggu Bahasa bagi Negeri Brunei di-hadapan bangunan pejabat2 Kerajaan di-Jalan Elizabeth kedua pada hari tersebut mulai dari pukul 8.30 pagi.

Dalam upacara tersebut ucapan2 mengenai Minggu Bahasa akan di-berikan oleh wakil2 dari

berbagai2 bangsa.

Sa-lepas istiadat pembukaan rasmi itu, satu perarakan murid2 sekolah akan di-adakan.

Sa-ramai 30 orang akan mengambil bahagian dalam tiap2 pasokan dan juga tiap2 pasokan itu di-kehendaki membawa dua chogan kata mengenai Minggu Bahasa.

KUEH DAN MINUMAN HARI RAYA

JERUDONG — Sa-rombongan yang terdiri 10 orang ahli jawatan kuasa Derma Hari Raya 1961 telah berkunjung ka-penjara di-sini untuk menyampaikan hadiah "hari raya" kepada banduan2.

Jawatan kuasa tersebut yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad telah menyampaikan hadiah2 yang berupa kueh2, buah2an, susu, ayer manis dan lain2.

Mereka telah berkunjung pada 16 March 9.00 pagi sa-telah menyampaikan hadiah yang sa-rupa itu kepada orang2 sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Di-Rumah Sakit Besar, hadiah2 itu telah di-terima oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abd. Wahab Ariff dan di-Jerudong oleh Ketua Penjaga Penjara Inche' Muhammad bin Buntar.

Bom di-jumpai di-Kampung Pelumpang

MUARA — Sa-butir bom yang tidak meletup telah di-jumpai di-Kampung Pelumpang dekat sini oleh sa-pasokan ahli2 bomba dari Bandar Brunei yang telah di-kejarkan ka-kampung itu kerana melawan suatu kebakaran.

Belukar di-kampung itu telah terbakar dan bom itu telah di-jumpai terbaring di-suatu tempat lebeh kurang 200 kaki dari jalan raya.

Bom itu di-perchayai telah di-jatuhkan sa-masa perang dunia kedua tetapi tidak meletup. Panjang-nya ia-lah 5 kaki dan bulatan-nya satu kaki.

Untuk menjauhkan bahaya yang mungkin berlaku jika bom itu meletup kelak kawasan itu telah di-kawal oleh pulis.

UTAMAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN!

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan



Ramadan kembali lagi

MARHABAN Ya Ramadan. Alhamdulillah bulan Ramadan yang dinantikan oleh seluruh umat Islam kini datang kembali mengunjungi kita. Bulan suci ini, bulan penuh rahmat, bulan keampunan yang dilimpahi nikmat yang banyak kepada hamba-hamba-Nya. Bulan Ramadan ini juga diberkati dengan dua peristiwa agung dan istimewa, iaitu penurunan Al-Quran al-Karim dan Lailatulqadar.

Keduanya jelas disebutkan di dalam Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Baqarah, ayat 185 tafsir-Nya :

"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah".

Dan Surah al-Qadr, ayat 1 - 3 tafsir-Nya :
"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu?" Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan".

Dengan bermulanya Ramadan ini, marilah kita merebut peluang dengan melipatgandakan amal ibadat dan mengamalkan cara hidup yang sihat. Kita isi ruang dan masa yang ada pada bulan Ramadan Al-Mubarak ini dengan melakukan perkara-perkara yang kebajikan.

Kita adalah dituntut dan diwajibkan untuk menyempurnakan salah satu daripada rukun Islam yang lima, iaitu berpuasa di bulan Ramadan. Yang dimaksudkan dengan puasa itu ialah menahan diri daripada makan minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar shadiq hingga masuk matahari dengan niat dan syarat-syarat yang tertentu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Baqarah, ayat 183 tafsir-Nya :

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Di samping kita menunaikan ibadat puasa, kita juga berpeluang untuk meningkatkan amal ibadat bagi meraih pahala yang berlipat kali ganda berbeza dari bulan-bulan yang lain seperti yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara amal ibadat yang perlu kita lakukan di bulan yang penuh kerahmatan ini ialah dengan menambah amal ibadat, iaitu menunaikan sembahyang fardu dengan berjemaah di masjid, memperbanyakkan sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, qiamullail dan seumpamanya.

Di samping mendalami ilmu agama, khususnya dalam perkara ibadah puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya, kita juga perlu menjaga diri daripada melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika berpuasa. Begitu juga

menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang subhah apatah lagi yang haram, terutamanya ketika berbuka puasa dan bersahur. Selain itu kita juga digalakkan untuk memperbanyakkan amal kebajikan, bersedekah dan seumpamanya.

Zakat

Zakat fitrah juga merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam. Sebagai satu kaedah alternatif dalam pembayaran zakat yang banyak memberi manfaat, antaranya ia akan memudahkan urusan dan menjimatkan masa kerana pembayaran zakat boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa dibataskan oleh waktu tertentu, Majlis Ugama Islam Brunei telah memperkenalkan salah satu alternatif bagi pembayaran Zakat Fitrah, iaitu Perkhidmatan Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) yang akan dapat mula digunakan mulai 1 Ramadan - 28 Ramadan 1442 Hijrah.

Orang ramai akan dapat menggunakan dua kaedah Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian melalui Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) QuickPay dan melalui sistem perkhidmatan eZakat DST. Perkhidmatan ini adalah kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama BIBD dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), yang mana Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian ini akan memudahkan masyarakat Islam di negara ini untuk menunaikan kewajipan

membayar Zakat Fitrah dengan penjimatan masa dan keselamatan kewangan.

Dalam melaksanakan Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian, perbuatan membayar zakat adalah dianggap terlaksana apabila pengeluar zakat tekan butang yang disediakan, sama ada melalui komputer atau telefon bimbit sebagai tanda persetujuannya untuk menyerahkan sejumlah wang sebagai zakat yang akan ditolak dari akaun miliknya dan dipindahkan atau didebitkan ke dalam akaun Majlis Ugama Islam, dengan syarat transaksi tersebut hendaklah disertai dengan niat oleh pengeluar zakat dan waktu berniat itu boleh dilakukan semasa menentukan kadar bayaran zakat, iaitu ketika mengisikan butiran bayaran yang disediakan dalam talian.

Hukum membayar zakat secara *online* adalah harus dan sah sebagaimana yang dijelaskan oleh Fatwa Mufti Kerajaan, Bilangan 16/2020, bertarikh 30 Syawal 1441 bersamaan 22 Jun 2020, kerana ia memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh syarak dan Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian ini telah pun dilaksanakan di negara Republik Singapura, Malaysia dan Republik Indonesia.

Dalam pada itu, sungguhpun Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian dilaksanakan pada Ramadan tahun ini, kaedah Pembayaran Zakat Fitrah melalui amil-amil di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat atau di rumah-rumah amil akan masih tetap berjalan seperti biasa, sepertimana di tahun-tahun yang sudah.

Penutup

Mudah-mudahan dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan dan melipatgandakan amal ibadat dengan sempurna dan diterima serta mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin, Amin, Amin Ya Rabbal Alamin.





Kawasan baharu Chongqing Liangjiang di China Barat memanfaatkan hubungan dengan SCO untuk pembukaan yang lebih besar

CHONGQING, CHINA, 13 April. - Mesyuarat promosi bagi Kawasan Baharu Chongqing Liangjiang-Platform Berbilang Fungsi Perdagangan dan Ekonomi Negara-negara Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) telah diadakan di Beijing pada 9 April, demikian menurut Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Baharu

Chongqing Liangjiang. Ini adalah satu tindakan konkrit untuk melaksanakan semangat bagi Mesyuarat ke-20 bagi Majlis Ketua-Ketua Negara Anggota SCO dan adalah sangat penting kepada kejayaan Forum Industri Ekonomi Digital China-SCO itu.

Pada September 2020, Platform Berbilang Fungsi Perdagangan

dan Ekonomi bagi Negara-negara SCO telah secara rasmi ditempatkan di Pusat Kerjasama Antarabangsa Chongqing Liangjiang. Ia adalah sebuah platform pelbagai bidang dan pelbagai fungsi untuk kerjasama dan pertukaran antarabangsa yang berpusat kepada usaha ekonomi dan perdagangan.

Chongqing memainkan satu peranan khas di dalam memperluaskan kerjasama di wilayah SCO itu, menurut Vladimir Norov, setiausaha agung bagi SCO. Mengadakan mesyuarat promosi ini telah membawa lebih banyak kemungkinan untuk pengembangan bagi negara-negara anggota SCO, dan SCO juga bersedia untuk memperkukuhkan perhubungan dengan Chongqing dan Kawasan Baharu Liangjiang untuk bersama-sama menggalakkan kerjasama antara wilayah dalam pelbagai bidang, kata beliau.

Chongqing adalah satu-satunya perbandaran yang secara langsung berada di bawah pentadbiran kerajaan pusat di barat China dan adalah merupakan sebuah bandar raya pusat nasional yang penting dengan kelebihan geografi yang menonjol dan satu kedudukan strategik yang penting.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Chongqing telah secara aktif mempromosikan pembangunan bersama bagi Inisiatif Belt and Road (BRI) dan pengembangan bagi Kawasan Ekonomi Sungai Yangtze. Ia merebut peluang-peluang strategik

seperti pengembangan bagi lingkaran ekonomi Chengdu-Chongqing, dan memanfaatkan dengan baik mekanisme pertemuan pemimpin-pemimpin tempatan SCO untuk mempromosikan pembukaan kawasan pedalaman, dan melihat satu momentum yang kukuh bagi pertumbuhan yang berkualiti tinggi.

Platform itu adalah satu pembawa penting untuk memperkukuhkan ekonomi dan kerjasama perdagangan di antara China dan SCO, menurut seorang pegawai kanan Chongqing. Acara itu dijangka dapat meningkatkan tahap saling hubungan, kerjasama ekonomi dan perdagangan, serta pengembangan platform, untuk memperdalamkan pertukaran dan kerjasama secara komprehensif dalam pelbagai bidang, dan untuk mempromosikan pembinaan bagi platform itu untuk mencapai hasil baharu.

Mesyuarat promosi itu juga termasuk satu promosi keseluruhan bagi Kawasan Baharu Liangjiang. Kedudukan asas bagi kawasan baharu itu adalah untuk membina sebuah pintu masuk terbuka pedalaman dan sebuah bandar raya pintar. Matlamat pembangunan utama itu adalah untuk membina sebuah kawasan utama pembangunan berkualiti tinggi dan sebuah kawasan demonstrasi kehidupan yang berkualiti tinggi.

Kawasan baharu itu akan terus mengukuhkan kerjasama dengan negara-negara SCO dan BRI dari segi pengangkutan, logistik, ekonomi dan

perdagangan, pertukaran industri dan kebudayaan. Ia dijangka dapat membina sebuah ekologi untuk kerjasama pelbagai hala bagi mencapai usaha bersama, penggalakan usaha bersama, perundingan meluas dan manfaat yang dikongsi bersama, dan untuk membina satu pola kerjasama yang berakar umbi di China, yang dikaitkan dengan ASEAN dan terbuka kepada dunia.

Kawasan Baharu Chongqing Liangjiang berperanan sebagai satu fulkrum strategik yang penting di dalam Strategi Pembangunan Barat China dan terletak di kawasan teras di persimpangan BRI dan Kawasan Ekonomi Sungai Yangtze. Ia mempunyai kelebihan penting untuk menghubungkan pasaran Asia Tengah, EU, ASEAN dan Asia Pasifik.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kawasan baharu itu telah membangunkan sebuah sistem pembukaan yang meluas ke semua arah dan sebuah sistem perindustrian moden yang diwakili oleh kenderaan, elektronik, peralatan kelas atasan, industri bioperubatan dan perkhidmatan moden. Sebanyak 160 syarikat Fortune 500 telah menetap di Liangjiang, dengan semakin banyak organisasi antarabangsa, persatuan dan perusahaan multinasional menyertai kempen pelaburan dan penempatan di kawasan baharu itu.

Untuk maklumat lanjut, sila layari : <http://www.liangjiang.gov.cn/>

Sumber : Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Baharu Chongqing Liangjiang. - ©BERNAMA

UK selesai beri vaksin warga berusia lebih 50 lebih awal

LONDON, 13 April. - Kerajaan United Kingdom (UK) berjaya menyelesaikan pemberian vaksin dos pertama untuk jutaan rakyatnya termasuk yang berusia 50 tahun ke atas lebih awal berbanding jadual asal, menurut Downing Street.

"Kami kini telah melepasi satu lagi pencapaian penting dalam program vaksin dengan menawarkan suntikan kepada semua golongan dalam sembilan kumpulan berisiko tinggi.

"Bermakna lebih 32 juta orang telah diberi vaksin COVID-19," kata Perdana Menteri Britain, Boris Johnson dalam satu kenyataan pada Isnin, lapor Sputnik.

"Sasaran dicapai lebih awal berbanding jadual asal, kerajaan berikrar menawarkan dos pertama kepada kelompok utama menjelang 15 April. "Secara keseluruhan hampir 40 juta vaksin sudah diberikan, selepas ini golongan dewasa di bawah umur 50 tahun dijangka mula dipanggil dalam beberapa lagi," menurut Downing Street.

Kempen vaksinasi besar-besaran dimulakan di UK pada Disember tahun lalu. Terkini, UK mencatatkan lebih 4.3 juta kes COVID-19 dan kematian melebihi 127,000, menurut Universiti Johns Hopkins. - ©BERNAMA

Seorang maut, seorang ditahan dalam insiden tembakan di sekolah di Tennessee

WASHINGTON, 13 April. - Seorang disyaki suspek terbunuh manakala seorang lagi ditahan susulan kejadian tembakan di sebuah sekolah menengah di Tennessee Amerika Syarikat (AS) pada Isnin, lapor Sputnik.

"Pegawai polis Knoxville bergegas ke tempat kejadian sebaik menerima laporan seorang lelaki yang mungkin bersenjata di Sekolah Tinggi Austin-East Magnet. Ketika cuba menghampiri suspek... beberapa tembakan dilepaskan... Seorang lelaki disahkan maut di lokasi kejadian, sementara seorang lagi ditahan untuk siasatan lanjut.

"Seorang pegawai polis cedera dan dibawa ke hospital tempatan. Tiada mangsa lain dikenal pasti," menurut kenyataan jabatan polis Knoxville. - ©BERNAMA

Bas automatik mula beroperasi di Chongqing, China

CHONGQING, 13 April. - Perkhidmatan bas automatik peringkat L4 yang pertama untuk laluan di kawasan barat China mula beroperasi di bandar Chongqing, pada Isnin.

Projek perintis pertama di seluruh negara itu turut menandakan kejayaan dalam pengkomersialan teknologi automotik di China.

Untuk kali ini, Robobus sepanjang 5.9 meter mempunyai kebolehan berhenti di stesen dengan tepat dan mampu mengharungi keadaan jalan yang rumit, sekali gus memenuhi spesifikasi operasi seperti bas biasa.

Menurut unit penyelidikan dan pembangunan, Robobus itu dilengkapi dengan empat radar laser, dua radar gelombang milimeter (MMW) dan tujuh kamera monocular.

Dengan dilengkapi pelbagai sistem canggih, ia membolehkan Robobus untuk menerima pelbagai jenis maklumat ketika dalam perjalanan termasuk mengesan pejalan kaki, kenderaan lain dan titik buta pada cermin sisi bas.

Selain itu, bas itu juga berupaya mengesan perubahan lampu isyarat dan waktu menunggu yang secara tidak langsung memudahkan perancangan awal dibuat dan memendekkan masa perjalanan. Bas beroperasi di laluan sepanjang 10 kilometer dengan perjalanan dua hala. - ©BERNAMA

SAUDIA LANCAR PERCUBAAN APLIKASI PERJALANAN UNTUK PENERBANGAN KUALA LUMPUR - JEDDAH

JEDDAH, 13 April. - Saudi Arabian Airlines (SAUDIA), syarikat penerbangan Arab Saudi, pada Isnin mengumumkan perjanjian kerjasama dengan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) untuk percubaan Pas Perjalanan IATA, bertujuan menyediakan perjalanan antarabangsa yang selamat dan membantu pemulihan sektor penerbangan daripada kesan pandemik COVID-19.

Agensi Berita Saudi (SPA) melaporkan Pas Perjalanan IATA ialah aplikasi mudah alih yang membolehkan penumpang membuat pasport digital

mengandungi data ujian saringan dan vaksin, boleh dikongsi secara selamat, bagi memastikan peraturan kesihatan dipatuhi ketika pelepasan dan ketibaan ke lokasi tujuan.

SAUDIA sedia untuk memperkenalkan pas perjalanan IATA di rangkaianannya, bermula dengan percubaan di laluan Kuala Lumpur - Jeddah pada 19 April 2021. Pelanggan SAUDIA diminta mengunjungi makmal yang ditentukan di Malaysia untuk melengkapkan syarat ujian PCR.

Keputusan ujian boleh dimuat naik di Aplikasi Perjalanan IATA

untuk digunakan dalam perjalanan ke Arab Saudi.

SAUDIA is among the world's leading airlines to partner with IATA on this important initiative that will assist in providing seamless travel free of the hassles facing passengers as they cross borders.

SAUDIA antara syarikat penerbangan terkemuka dunia yang bekerjasama dengan IATA untuk menyediakan perjalanan tanpa halangan.

Susulan percubaan itu, IATA akan berusaha membangunkan aplikasi baharu supaya dapat digunakan di seluruh rangkaian SAUDIA. - ©BERNAMA

19 ditahan disyaki terlibat judi dalam talian

BUTTERWORTH, 13 April. - Polis menahan 19 individu termasuk tujuh wanita kerana disyaki terlibat dalam kegiatan judi dalam talian menerusi 12 serbuan di pelbagai premis sekitar Butterworth dan Mak Mandin, di sini dua hari lepas.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU) ACP Noorzainy Mohd Noor berkata bertindak hasil maklumat dan risikan yang dijalankan, pasukan Bahagian Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Bukit Aman dan Ibu Pejabat Polis Daerah SPU menjalankan Ops Dadu bermula pukul 12 tengah hari hingga tujuh malam.

"Dalam operasi itu, polis menahan 12 lelaki dan tujuh wanita berusia 22 hingga 58 tahun

termasuk empat pelanggan, serbuan membabitkan premis perniagaan yang disewa mereka dengan berselindung di sebalik kedai telefon atau kedai kopi bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Ada juga serbuan dijalankan di kawasan lapang dan dalam kereta kerana penganjur menjalankan kegiatan perjudian online (dalam talian) di situ malah siasatan kami juga mendapati terdapat premis-premis berkenaan pernah diserbu dalam tempoh dua tahun sebelum ini kerana kesalahan sama," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya menerusi serbuan itu, polis merampas pelbagai barangan

antaranya 14 unit telefon bimbit, lima alat pencetak, 79 kertas bercetak angka, kalkulator, kerusi dan meja serta sebuah kereta jenis Toyota Vios yang dijadikan tempat perjudian dalam talian.

Noorzainy berkata pihaknya turut merampas wang tunai berjumlah RM13,581 daripada mereka dan polis dengan bantuan Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat pemotongan bekalan elektrik di premis yang diserbu.

"Semua mereka yang ditahan kini direman untuk siasatan lanjut dan kes itu disiasat menurut Seksyen 4A(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953," katanya. - ©BERNAMA

COVID-19 : Kes ketiga dikesan di hotel kuarantin di New Zealand



BEIJING, 12 April. - Seorang pekerja di hotel kuarantin terkawal (MIQ) di Auckland, New Zealand, disahkan positif COVID-19 pada Ahad, kes ketiga berturut-turut membabitkan hotel kuarantin yang sama, menurut Kementerian Kesihatan, lapor Agensi Berita Xinhua.

Minggu lalu, seorang pengawal keselamatan didapati positif manakala seorang petugas pembersihan disahkan dijangkiti virus itu pada 21 Mac.

Di wilayah Yunnan, China dua kes COVID-19 telah dilaporkan kata suruhanjaya kesihatan wilayah itu pada Isnin.

Kedua-dua kes dikesan di sempadan bandar Ruili semasa pusingan ketiga kempen ujian asid nukleik di seluruh bandar.

Sementara itu, di Santiago, Kementerian Kesihatan Chile melaporkan 7,945 kes baharu dan 133 lagi kematian.

Jumlah kes terkumpul meningkat kepada 1,076,499, dengan 45,792 pesakit pada tahap aktif penyakit ini, manakala kematian meningkat menjadi 24,346.

Turki melaporkan 50,678 kes

baharu, termasuk 2,548 pesakit simptomatik, menjadikan jumlah keseluruhan 3,849,011, menurut Kementerian Kesihatannya.

Angka kematian akibat virus di Turki meningkat 237 menjadikan jumlahnya 33,939 sementara jumlah pemulihan meningkat kepada 3,331,411 setelah 30,194 kes lagi pulih dalam tempoh 24 jam lalu.

Kementerian Kesihatan Iraq pula melaporkan 6,791 kes baharu, meningkatkan jumlah jangkitan di seluruh negara kepada 924,946.

Kes baharu itu kebanyakannya dilaporkan di Baghdad sebanyak 2,447 kes, Basra (985), Sulaimaniyah (494), Wasit (439), dan Duhok (333), kata kementerian itu dalam satu kenyataan.

Wilayah terpadat di Kanada, Ontario dengan jumlah penduduk 14 juta pula melaporkan 4,456 kes baharu, jumlah harian tertinggi sejak pandemik itu bermula tahun lalu.

Laporan itu menjadikan keseluruhan kes sebanyak 386,608, termasuk 7,552 kematian dan 346,239 pemulihan.

Sehingga pagi Ahad, Kanada

melaporkan jumlah kumulatif kes sebanyak 1,058,530 termasuk 23,313 kematian dan 962,549 pemulihan, menurut CTV.

Di Muscat, Kementerian Kesihatan Oman mengumumkan 3,544 jangkitan baharu COVID-19 meningkatkan jumlah kes kepada 171,549, lapor Agensi Berita Oman.

Sementara itu, 2,815 orang pulih dalam tempoh 72 jam lalu, menjadikan keseluruhan pemulihan 152,784 dengan 29 kematian dilaporkan dalam tiga hari, menambah jumlah keseluruhan kepada 1,776, menurut kenyataan kementerian.

Kementerian Kesihatan Iran pula melaporkan 21,063 kes baharu, dengan jumlah jangkitan di negara ini ialah 2,070,141. Setakat ini, virus ini telah meragut 64,490 nyawa, meningkat 258 dalam 24 jam lalu, terakhir, kata jurucakap Kementerian Kesihatan dan Pendidikan Perubatan Sima Sadat Lari semasa taklimat hariannya.

Di London, saintis Britain memberi amaran bahawa kerajaan mengundang gelombang ketiga COVID-19 apabila terlalu cepat

melonggarkan sekatan pergerakan, lapor media tempatan.

"Daerah di Yorkshire Barat, dan beberapa wilayah lain masih mencatat kadar jangkitan yang tinggi. Namun, ramai penduduk di

sana tidak mampu untuk mengasingkan diri. Kita perlu segera mengatasi masalah ini atau virus itu akan kembali," kata Profesor Madya sekolah perubatan Universiti Stephen Griffin. - ©BERNAMA

Letusan gunung berapi di Caribbean, PBB salur bantuan

NEW YORK, 13 April. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyalurkan bantuan kepada penduduk Saint Vincent dan Grenadines yang terjejas akibat letusan gunung berapi, lapor Xinhua.

Kejadian itu menyebabkan 110,000 penduduk terputus bekalan air bersih dan elektrik manakala sekitar 20,000 lagi hilang tempat tinggal.

Letusan La Soufriere pada Jumaat menjejaskan sebahagian besar mata pencarian di bahagian utara pulau Caribbean selatan, termasuk tanaman pisang, dengan aliran abu dan lava yang menghalang pergerakan orang dan barang, kata Pejabat Penyelidikan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA) PBB pada Isnin.

Agensi di bawah PBB itu menyediakan bantuan seperti makanan dan kewangan serta nasihat teknikal.

Selain itu, negara jiran turut menyumbang bekalan kecemasan dan peralatan untuk menyokong usaha memindahkan penduduk, kata OCHA. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 20 maut kemalangan bas di Peru

BUENOS AIRES, 13 April. - Sekurang-kurangnya 20 orang maut dan berbelas yang lain cedera dalam kemalangan bas di Peru, kata pihak berkuasa daerah Parobamba, menurut Sputnik.

Kemalangan berlaku pada Isnin ketika bas yang dipandu laju itu terbabas sebelum terbalik di Parobamba, sebuah wilayah di Peru.

"Nahas menyebabkan 18 orang maut di tempat kejadian, dua yang lain meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital," kata pihak berkuasa perbandaran Parobamba di Facebook.

Seramai 14 penumpang yang lain cedera.

Menurut laporan media tempatan, bas milik syarikat Fama Tour itu dalam perjalanan menuju ke Lima, membawa penumpang balik daripada mengundi. - ©BERNAMA

Arul kekal 21 pemain hadapi Great Britain, Jepun

KUALA LUMPUR, 13 April. - Seramai 22 pemain termasuk seorang muka baharu disenaraikan ketua jurulatih skuad hoki kebangsaan Arul Sevaraj bagi menghadapi siri aksi persahabatan antarabangsa di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil bermula 17 hingga 24 April ini.

Khidmat pertahanan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Muhammad Azri Hassan kembali ditagih untuk menguatkan barisan terakhir skuad kebangsaan sementara 21 pemain lagi dikekalkan menjelang aksi tiga penjuru menentang pasukan Great Britain dan Jepun pada siri perlawanan tersebut.

Arul menyifatkan barisan pemain berpengalaman dan memiliki kualiti amat diperlukan pada kem latihan skuad kebangsaan bermula Khamis ini, selain melihat aksi persahabatan yang telah diatur bukan sesuatu yang mudah untuk anak buahnya.

Beliau berkata beberapa pemain dipanggil turut masih dihipit kecederaan ringan yang dialami sewaktu saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) yang berakhir awal bulan ini, namun ia sedang dipantau rapi pakar fisioterapi skuad kebangsaan daripada Institut Sukan Negara (ISN).

"Aksi persahabatan bersama Great Britain dan Jepun pastinya bukan mudah kerana mereka dalam fasa persiapan secara mental dan fizikal menuju Sukan Olimpik Tokyo sementara skuad negara masih dalam fasa mempersiapkan pasukan bagi kejohanan antarabangsa yang akan datang.

"Saya juga perlu pemain berpengalaman dan Muhammad Azri pemain yang bagus, beliau telah beraksi dengan cukup baik pada saingan liga baru-baru ini selain tidak asing dalam pasukan kebangsaan, jadi tidak salah saya memberi beliau peluang sekali lagi," katanya dalam kenyataan hari ini.

Muhammad Azri, 29, telah mengumpul 101 penampilan bersama skuad kebangsaan dan antara pemain yang beraksi pada aksi final temasya Sukan Asia 2018 di Indonesia.

Sementara itu, 22 pemain dipanggil menyertai pasukan kebangsaan terdiri daripada 10 pemain pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB), tujuh pemain UniKL, tiga pemain Maybank dan dua pemain mewakili pasukan Terengganu Hockey Team (THT).

Sementara itu, Arul komited untuk memberikan fokus sepenuhnya termasuk kepada perkara-perkara kecil dalam membentuk kembali pasukan kebangsaan.

"Ini termasuk bekerjasama dengan mereka (pemain) dari sudut rasa bertanggungjawab, kepimpinan dalam pasukan sama ada di dalam mahupun di luar padang serta membuat keputusan demi pasukan. Saya juga akan memberikan fokus bagi memperkukuhkan lagi struktur di barisan pertahanan," katanya. - ©BERNAMA

14 pendaki sesat di Gua Kelam Tiga

PADANG BESAR, 13 April. - Empat belas pendaki dari dua buah kelab rekreasi tempatan terperangkap lebih 20 jam di Gua Kelam Tiga di sini sejak petang semalam.

Ketua Polis Daerah Padang Besar Supt Saifudin Aslin Abbas berkata 14 pendaki itu terdiri daripada 10 lelaki dan empat orang perempuan merupakan warga tempatan.

"Kita difahamkan 11 orang pendaki mula memasuki Gua Kelam Tiga pada 11 pagi semalam bersama sekumpulan pendaki dari sebuah politeknik, namun mereka (11 pendaki) memilih jalan berbeza menyebabkan terpisah dari kumpulan pendaki politeknik.

"Pada 10 malam, tiga orang lagi

pendaki yang menghantar makanan kepada rakan mereka turut sesat," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian hari ini.

Beliau berkata polis menerima laporan awal pada 6.50 pagi dan berjaya mengenal pasti lokasi pendaki apabila berjaya menghubungi mangsa yang sesat pada 9.30 pagi tadi.

"Kita telah lancar operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) pada pukul 11.00 pagi yang dianggotai 18 orang daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perhutanan Malaysia (JPM) dan pemandu arah," katanya.

Saifudin berkata maklumat awal yang diperoleh mendapati bahawa

semua mangsa dalam keadaan selamat dan hanya mengalami keletihan dan luka-luka kecil.

"Kita terpaksa mengambil masa yang agak panjang untuk membawa keluar semua mangsa berikutan keadaan gua dan mungkin akan mengambil masa lapan hingga 10 jam," katanya.

Beliau berkata siasatan awal juga mendapati bahawa semua mangsa masuk ke gua itu tanpa kebenaran pihak JPM dan mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 dan boleh dikompau.

Saifudin menasihati orang ramai yang ingin terlibat dalam aktiviti mendaki atau memasuki hutan agar mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa terlebih dahulu. - ©BERNAMA

KES COVID-19 DI NEGERI TERPADAT DI AS MELEPASI 3.6 JUTA

LOS ANGELES, 12 April. - Jumlah kes COVID-19 di California, negeri paling padat penduduk di Amerika Syarikat, melepasi 3.6 juta, lapor Xinhua.

Jabatan Kesihatan Awam California dalam laporan hariannya pada Ahad menyatakan sebanyak 4,954 kes baharu COVID-19 dan 105 kematian dicatatkan, menjadikan kes

keseluruhan berjumlah 3,600,178 dan korban seramai 59,218. Negeri dengan sekitar 40 juta penduduk itu merekodkan jumlah kes dan kematian tertinggi setakat ini.

Setakat Ahad sejumlah 22,777,893 dos vaksin sudah diberikan di seluruh negeri itu dan akan memperluaskan kelayakan vaksin kepada semua individu

berusia 16 tahun ke atas mulai 15 April.

Gabenor Gavin Newsom awal bulan ini mengumumkan negeri itu merancang membuka kembali sepenuhnya aktiviti dan perniagaan mulai 15 Jun kerana vaksinasi COVID-19 telah tersedia secara meluas dan kemasukan ke hospital berkaitan virus terus menurun. - ©BERNAMA

Konflik di Afghanistan, 65 maut dalam tempoh 24 jam

KABUL, 12 April. - Sekurang-kurangnya 65 orang terbunuh dalam pertempuran dan serangan pengganas di Afghanistan dalam tempoh 24 jam lalu, lapor Xinhua.

"Sepanjang 24 jam lalu pasukan kami telah mendokumentasi 65

kematian, termasuk enam orang awam, 12 anggota Angkatan Pertahanan Nasional dan Keselamatan Afghanistan (ANDSF), dan 47 militan Taliban," menurut Reduction in Violence (RiV) di akaun Twittersnya.

Seramai 35 orang, termasuk 18

militan Taliban, 12 anggota keselamatan dan lima orang awam juga cedera dalam tempoh tersebut. Kematian dan kecederaan itu dilaporkan di enam daripada 34 wilayah negara yang dilanda konflik. - ©BERNAMA

PUTERA HARRY TIBA DI UK UNTUK UPACARA PEMAKAMAN PUTERA PHILIP



LONDON, 12 April. - Putera Harry tiba di United Kingdom (UK) untuk menghadiri pemakaman mendiang datuknya, Putera Philip, lapor Sputnik memetik majalah People.

Harry, 36, tiba dari California pada Ahad. Isterinya Meghan Markle, yang sarat hamil anak kedua tidak turut serta. Ini pertemuan pertama Putera Harry dengan ahli keluarga diraja Britain sejak temu bual Oprah Winfrey yang menjadi tumpuan umum.

Suami Ratu Elizabeth II itu meninggal dunia pada Jumaat pagi

di Windsor Castle pada usia 99 tahun.

Pasangan diraja itu sudah berkahwin selama 73 tahun.

Pemakaman Duke of Edinburgh akan berlangsung di Windsor pada 17 April dan tanpa istiadat pemakaman diraja negara dan juga penghormatan orang awam.

Menurut Downing Street, peraturan COVID-19 hanya membenarkan 30 orang menghadiri upacara pengebumian pada minggu depan.

Seorang sumber diraja memberitahu The New York Post

bahawa Putera Philip ingin menghabiskan hayatnya dengan aman di kediamannya sendiri, bukan di katil hospital - permintaan terakhir yang menjadi kenyataan pada Jumaat.

Menurut media UK, Ratu berada di sisi suaminya ketika beliau menghembuskan nafas terakhirnya, beberapa bulan sebelum ulang tahunnya yang ke-100 pada Jun.

Pada Februari, Duke of Edinburgh dimasukkan ke hospital untuk menjalani pembedahan jantung, dan dibenarkan pulang pertengahan Mac. - ©BERNAMA

Pembukaan sempadan antara agenda perbincangan Muhyiddin-Hsien Loong - Hishammuddin

KLUANG, 12 April. - Pembukaan sempadan Malaysia-Singapura dijangka akan menjadi agenda perbincangan antara Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan rakan sejawatnya dari Singapura Lee Hsien Loong di republik itu awal bulan depan.

Menteri Luar Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata beliau akan memastikan perkara tersebut antara isu yang akan dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin tersebut pada pertemuan itu.

Beliau berkata rundingan mengenai pembukaan semula sempadan Malaysia-Singapura yang tertangguh akibat COVID-19 telah diadakan semasa lawatan Menteri Luar Singapura Dr. Vivian Balakrishnan ke negara ini akhir bulan lalu. Katanya, beliau akan mengadakan lawatan rasmi ke Singapura dalam masa terdekat.

"Dalam lawatan itu, saya akan pastikan bahawa itu (pembukaan sempadan) merupakan antara agenda perbincangan antara Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Lee Hsien Loong," katanya pemberita selepas menghadiri program Malaysia Prihatin Parlimen Sembrong di Paloh di sini hari ini.

Mengenai kekosongan jawatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Hishammuddin, berkata ia masih dalam proses lantikan dengan terdapat beberapa perkara teknikal sedang diteliti oleh Wisma Putra.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Sembrong itu berkata hubungan dua hala Malaysia-Singapura berjalan lancar dan tidak terjejas dengan ketiadaan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di republik itu.

Sebelum ini, jawatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura disandang Datuk Zainol Rahim Zainuddin sebelum beliau bersara wajib pada April tahun lalu. Ketika ini jawatan itu dipangku Timbalan Pesuruhjaya, Muhammad Radzi Jamaludin. - ©BERNAMA

PKPD di Kampung Serpan Laut, Asajaya ditamatkan - JPBN Sarawak

KUCHING, 12 April. - Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dilaksanakan di Kampung Serpan Laut di Asajaya, kira-kira 35 kilometer dari sini, sejak 8 April lepas ditamatkan hari ini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak dalam satu kenyataan hari ini menyatakan penamatan PKPD itu dibuat, kerana tiada keputusan kes positif baharu pada ujian saringan kedua COVID-19 dalam kalangan penduduk kampung, serta tiada bukti jangkitan masih menular di kawasan tersebut.

PKPD di kawasan itu sepatutnya dilaksanakan sehingga 21 April. Sementara itu, hari ini Sarawak merekodkan 351 kes baharu COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 20,352 kes.

Daripada jumlah keseluruhan kes itu, seramai 16,452 orang atau 80.84 peratus telah pulih selepas 208 kes lagi yang dibenarkan didiscaj hari ini. - ©BERNAMA

Malaysia, Ukraine meterai Perjanjian Pemindahan Banduan Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 12 April. - Ukraine dan Malaysia pada Isnin memeterai Perjanjian Pemindahan Banduan Antarabangsa (ITOP), negara pertama yang menandatangani perjanjian itu dengan Malaysia.

Malaysia juga negara ASEAN pertama yang akan mempunyai program ITOP dua hala dengan Ukraine, menurut kenyataan Kedutaan Ukraine di Malaysia, di sini, hari ini.

Perjanjian tersebut ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Duta Ukraine ke Malaysia Olexander Nechytaylo di Putrajaya.

"Perjanjian itu melengkapkan pembentukan kerangka undang-undang komprehensif untuk kerjasama yang cekap antara agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa perundangan Ukraine dan Malaysia," kata kenyataan itu.

Pada 2016, kedua-dua negara telah menandatangani dua perjanjian dua hala penting lain dalam bidang perundangan dan jenayah, iaitu: Perjanjian Bantuan Perundangan Bersama dalam Masalah Jenayah, dan Perjanjian Ekstradisi.

Menurut Nechytaylo, "acara hari ini tidak akan dapat dilakukan tanpa dedikasi pasukan rundingan".

"Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada perwakilan Kementerian Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Peguam Negara dan Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri) atas usaha dan komitmen mereka," katanya dalam majlis tersebut.

Ukraine, satu daripada 66 negara yang mengesahkan Konvensyen 1983 mengenai Pemindahan Orang yang Disabitkan. Sebagai tambahan, Ukraine mempunyai 13 perjanjian antarabangsa dua hala mengenai ITOP dengan negara lain, termasuk China dan Iran. - ©BERNAMA

PGA9 rampas peralatan vape bernilai RM310,360 di Tanah Merah

KOTA BHARU, 12 April. - Batalion Ke-9 Pasukan Gerakan Am (PGA9) merampas pelbagai jenis peralatan dan cecair vape bernilai RM310,360 yang ditemukan di dalam semak di pangkalan haram Awang Bunga dekat Kampung Limau Purut, Tanah Merah, semalam.

Pegawai Pemerintah PGA9, Supt Nor Azizan Yusof berkata bertindak hasil maklumat awam, pihaknya

melakukan rondaan di kawasan berkenaan pada 6 pagi semalam sebelum menemukan puluhan kotak yang disembunyikan di tebing Sungai Golok.

"Pemeriksaan mendapati kotak-kotak terbabit mengandungi 809 peralatan menghisap vape dan 2,780 botol cecair vape yang disyaki akan diseludup ke Thailand," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata peralatan menghisap vape akan diserahkan kepada Jabatan Kastam sementara cecair vape pula akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan.

PGA9 akan terus meningkatkan kawalan bagi memerangi jenayah rentas sempadan dan kerjasama orang ramai amatlah dialu-alukan, katanya. - ©BERNAMA

Kempen cuti-cuti Malaysia 'Jom Dive', tawar pelbagai pakej skuba - Nancy Shukri

KUALA LUMPUR, 12 April. - Orang ramai kini boleh menikmati aktiviti selam skuba dan menerokai khazanah hidupan marin menerusi pakej istimewa melalui Kempen Cuti-Cuti Malaysia (CCM) 'Jom Dive!', kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata kempen pelancongan terbaharu Tourism Malaysia dengan kerjasama Persatuan Penyelam Skuba Malaysia bermula hari ini hingga 31 Mei depan itu, menawarkan potongan harga istimewa bagi lesen aktiviti selam skuba selain

pelbagai pakej pelancongan menarik.

Katanya, usaha itu bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengunjungi pulau-pulau di negara ini serta menikmati kepelbagaian khazanah marin.

"Sebanyak 1,000 pakej selam skuba ditawarkan berdasarkan terma dan syarat 'siapa cepat, dia dapat', selain pemberian diskaun sebanyak RM450 bagi setiap pembelian pakej berharga RM1,000 dan ke atas dalam satu resit.

"Menerusi kempen ini, diharapkan dapat meningkatkan

keyakinan rakyat untuk melancong serta menyemarakkan semula sektor pelancongan domestik dengan memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nancy berkata usaha itu sekali gus diharap dapat memupuk minat, kesedaran serta rasa kecintaan orang ramai terhadap keindahan dasar laut semula jadi yang terdapat di dalam negara ini.

Maklumat lanjut berkenaan kempen ini boleh melayari laman sesawang Tourism Malaysia, www.malaysia.travel atau platform www.txtv.com.my. - ©BERNAMA

Thailand promosikan Phuket sebagai lokasi menyelam

PHUKET, 12 April. - Lembaga Pelancongan Thailand (TAT) kini mempromosikan pulau Phuket sebagai lokasi menyelam terbaik di negara itu, sebagai persediaan pembukaan semula pelancongan untuk pelancong yang telah divaksin bermula 1 Julai.

Pejabat TAT Phuket baru-baru ini menganjurkan 'Projek Selamatkan Laut - Phuket', bagi mempromosikan pelancongan mampan dan mewujudkan kesedaran dalam penjagaan marin bersama pemegang taruh, termasuk pelancong, penyelam dan juga operator aktiviti selaman.

Pengarah Pejabat TAT Phuket, Nantasiri Ranasiri berkata, kerja-kerja sukarelawan semakin meningkat dalam kalangan pelancong tempatan, terutamanya ke arah penjagaan alam semula jadi dan juga alam sekitar.

Beliau berkata, aktiviti penjagaan laut memberikan peluang untuk

penyelam mengambil bahagian dalam kesukarelawan, sambil menikmati keindahan alam semula jadi di dalam laut.

"Kami berharap menerusi projek ini, kami akan menggalakkan pelancong yang bertanggung jawab dan mempromosikan sektor menyelam di Phuket, yang terjejas terus akibat penularan COVID-19," katanya.

Thailand bercadang untuk memberikan kelonggaran terhadap kuarantin wajib kepada pelancong asing yang telah mengambil vaksin, yang tiba di pulau Phuket bermula 1 Julai, bagi memulihkan semula industri pelancongan. Dalam persediaan pembukaan semula itu, sekurang-kurangnya 70 peratus daripada penduduk pulau itu akan divaksin.

Program dua hari pada 3 dan 4 April di Pantai Kata itu, melibatkan beberapa aktiviti mempromosikan penjagaan alam sekitar laut

termasuk, Kutip Sampah Jika Anda Boleh; Bebaskan Saya (Menyelam); Penjagaan Pantai dan Udara; Bengkel oleh artis-artis tempatan, Selaman Malam KATA dan Maraton Penggambaran Dalam Laut.

Sejumlah 130 penyelam mengambil bahagian dalam program dua hari ini dan mereka mengumpulkan hampir 130 kilogram sampah sarap yang kebanyakannya jaring buangan, tali dan plastik buangan seperti botol dan sudu.

Selain itu Maraton Gambar Dalam Laut yang mempamerkan seni fotografi yang unik, dengan memfokuskan kepada cara mengatasi masalah pembuangan sampah dalam lautan di Laut Andaman, dan bukannya gambar-gambar keindahan batu karang pelbagai warna dan ekosistem marin. - ©BERNAMA

FAMILY 'C' JUARA DART BEREGU KEBANGSAAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ihsan Tengku Zainal Tengku Haji Hassan

MENTIRI, Selasa, 13 April. - Sebanyak 99 pasukan dari keempat-empat daerah menyertai Kejohanan Dart Beregu Kebangsaan, baru-baru ini, anjuran bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri dan Kelab Dart Spintop sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke 37, Tahun 2021.

Sehubungan itu, Pusingan Pukul Mati (Knock Round) dirasmikan oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Pungut, bertempat di Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Mentiri.

Pada kejohanan tersebut, Pasukan FAMILY 'C' muncul juara dan memenangi piala juga wang tunai BND400, diikuti naib juara, disandang oleh Pasukan AA 'XD', menerima piala dan wang tunai



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai kejohanan tersebut.



PEMANGKU Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Pungut semasa merasmikan kejohanan tersebut.

BND200, dan tempat ketiga bersama disandang oleh Pasukan YBP 'A' dan Pasukan AA NO MERCY, menerima piala dan wang tunai BND100.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampung

Mentiri.

Kejohanan Dart Beregu Kebangsaan tersebut bermula dengan perlawanan Pusingan Kelayakan (Round Robin), pada malam Sabtu, 10 April 2021, di mana pasukan-pasukan yang menyertai adalah bertaraf kebangsaan dan terbaik, pada tahun ini.

Antara objektif kejohanan tersebut adalah bagi memupuk dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan peserta-peserta pemain yang menyertai dari keempat-empat daerah.

Kejohanan berkenaan merupakan wahana dalam mencari dan menggilap bakat para pemain dart, di samping mengeratkan ukhuwah dalam kalangan pemain senior, berkemahiran dan sebagai contoh kepada pemain belia-belua yang baru meningkat.

Selain itu, ia juga bagi membangkitkan semangat setia kawan, semangat bertanding dan



JUARA Kejohanan Dart Beregu Kebangsaan, Pasukan FAMILY 'C' dan naib johan Pasukan AA 'XD' semasa bergambar ramai.

kesukanan di antara para peserta dan bagi mengamalkan cara hidup yang sihat melalui cara bersukan.

Di samping itu, kejohanan tersebut juga adalah sebagai aktiviti tahunan MPK Kawasan 1

bersama Kelab Dart Spintop; dan sebagai landasan bagi pemilihan pemain-pemain dart yang berpotensi untuk mewakili kelab dan pasukan Negara Darussalam pada kejohanan nanti.



ANTARA aksi yang dipersembahkan oleh para peserta.

PLBC juara Kejohanan Boling Padang

Siaran Akhbar dan Foto :
Kelab Boling Padang Wisdom



SESI bergambar ramai pada Kejohanan Boling Padang Piala Persahabatan Pairs Terbuka Ke-4, yang berlangsung di Kelab Panaga, Daerah Belait (atas). Manakala gambar kanan, PLBC mengekalkan gelaran juara buat kali ketiga berturut-turut dengan gandingan Neil Lynch dan Tony Hagggett.

PANAGA, Isnin, 12 April. - Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) dengan kerjasama Kelab Boling Padang Panaga (PLBC) sekali lagi mengadakan Kejohanan Boling Padang Piala Persahabatan Pairs Terbuka Ke-4 yang berlangsung baru-baru ini di Kelab Panaga, Daerah Belait.

Seramai 15 buah pasukan termasuk pasukan jemputan dari Kelab Boling Padang Penerbangan Diraja Brunei (RB) berentap dalam kejohanan kali ini.

Seperti juga pada edisi kejohanan yang lalu, PLBC menampilkan beberapa ekspatriat

mereka yang terdiri dari England, Australia, Scotland, Republik Ireland, Netherlands dan Afrika Selatan.

PLBC mengekalkan gelaran juara buat kali ketiga berturut-turut selepas gandingan Neil Lynch dan Tony Hagggett berjaya menundukkan wakil WBC, Bahren bin Haji Abd Rahman dan Muhd Hazmi bin Haji Idris dengan keputusan 12 berbalas lapan dalam aksi perlawanan akhir. Manakala pasangan Arif bin Haji Amlil dan Halifi bin Haji Amlil dari WBC menduduki tempat ketiga.

Sementara itu, dalam Kategori

Plate pula wakil WBC, Awangku Wazien bin Pengiran Haji Jamaluddin dan Muhd Nuh bin Jaafar muncul juara selepas menewaskan pasangan Muhd Rudy bin Aminorzaman dan Shahdaine bin Haji Emran dari Kelab Boling Padang RB dengan keputusan 12-3. Tempat ketiga pula dimenangi oleh pasangan Kamarul Zaman bin Haji Bakar dan Haji Abd Ghafar bin POKL DSS Haji Mohd Taha dari WBC.

Pingat-pingat kemenangan disampaikan oleh Pengawas Pusat Belia Daerah Belait, Pengiran Jamilah binti Pengiran Zaini.



Presiden WBC, Awang Haji Johari bin Awang Achee melahirkan penghargaan kepada Kelab Panaga kerana memberikan kebenaran untuk menggunakan fasiliti mereka bagi menganjurkan kejohanan tersebut.

Beliau menyifatkan gelanggang rumput asli di Panaga sangat indah, lebih-lebih lagi kedudukannya yang menghadap Laut China Selatan.

Tambahnya lagi, gelanggang rumput tersebut juga merupakan satu-satunya yang ada di negara ini dan ia menjadi sangat penting untuk pemain tempatan

menjadikannya tempat latihan jika mereka hendak menyertai kejohanan luar negara yang turut memiliki gelanggang rumput yang sama, memandangkan pada ketika ini atlet negara hanya mengadakan latihan di Pusat Boling Padang, Berakas yang menggunakan padang sintetik.

Beliau turut berharap Kelab Panaga akan dapat terus menjadi tuan rumah kepada lebih banyak kejohanan pada masa akan datang dalam usaha memberikan atlet negara pengalaman bermain di permukaan gelanggang yang berbeza.

Sukan

INFO SUKAN

JOGING merupakan salah satu sukan riadah bentuk larian atau berlari dengan perlahan atau santai. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan kecergasan fizikal dengan tekanan yang lebih sedikit pada badan daripada berjalan lebih cepat tetapi lebih daripada berjalan atau untuk mengekalkan kelajuan yang stabil untuk jangka masa yang lebih lama.



ePaper Pelita Brunei

TARIK MINAT BELIA MASJID MELALUI BERSUKAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada Kejohanan Futsal Lima Orang Sepasukan bagi Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir dan Belia Masjid Peringkat Senegara bagi Tahun 2021.

TUNGKU LINK, Isnin, 12 April. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri buat pertama kali menganjurkan Kejohanan Futsal Lima Orang Sepasukan bagi AJK Takmir dan Belia Masjid Peringkat Senegara bagi Tahun 2021.

Kejohanan ini diadakan adalah salah satu aktiviti takmir masjid sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37.

Kejohanan tersebut diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim bagi semua AJK Takmir dan Belia Masjid yang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

berdaftar, di samping menjalani kegiatan riadah yang membantu menjaga kesihatan dan memantapkan kredibiliti individu, khususnya para belia masjid.

Kejohanan tersebut berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam.

Johan dalam kejohanan tersebut, pasukan dari Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi. Sementara itu, naib johan dari pasukan dari Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri 'B' dan pasukan dari Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri 'A' menduduki tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Antara tujuan kejohanan ini diadakan adalah untuk menjalankan salah satu aktiviti tahunan takmir masjid, selain menarik minat para AJK dan belia masjid melalui bersukan.

Acara ini juga dihasratkan untuk melahirkan rasa tanggungjawab dan kerjasama dalam setiap komiti kepada takmir masjid masing-masing.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

50 peserta ikuti Kejohanan Pingpong

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Persatuan Pingpong
Brunei Darussalam

MENGLAIT, Isnin, 12 April. - Persatuan Pingpong Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Table Tennis Association - BDTTA) menganjurkan Kejohanan Pingpong Bawah Umur Kebangsaan 2021 yang berlangsung selama dua hari, iaitu pada 4 April 2021 dan 11 April 2021, bertempat di Kompleks Sukan Menglait baru-baru ini.

Seramai 50 orang peserta dari seluruh Negara Brunei Darussalam menyertai kejohanan tersebut yang dibahagikan kepada 11 kategori iaitu Kategori Umur 12 Tahun Ke Bawah Lelaki dan Perempuan; Kategori Umur 16 Tahun Ke Bawah Lelaki dan Perempuan (Perseorangan dan Beregu); Kategori Umur 21 Tahun Ke Bawah Lelaki dan Perempuan (Perseorangan dan Beregu); dan Kategori Beregu Campuran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Timbalan Pengarah (Akademik), Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Walter Chong Meng Siong.

Kejohanan tersebut adalah salah satu acara



TIMBALAN Pengarah (Akademik), Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Walter Chong Meng Siong bergambar ramai bersama para pemenang pada Kejohanan Pingpong Bawah Umur Kebangsaan 2021.

permulaan bagi kejohanan peringkat bawah umur dan lebih banyak acara untuk pemain-pemain peringkat bawah umur akan menyusul tidak lama lagi.

Para pemain yang mengambil bahagian dalam acara ini akan dimasukkan ke Jadual Kedudukan Kebangsaan (National Ranking Table) Brunei dan nama-nama mereka akan diserahkan kepada Persekutuan Pingpong Antarabangsa (International Table Tennis Federation - ITTF) untuk didaftarkan dan dikenali di seluruh dunia.



FAMILY 'C' juara Dart Beregu Kebangsaan

Muka 31

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH PUASA

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam